


Jilid I
Bil. 75



Hari Jumaat
12hb Oktober, 1979

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KELIMA
Fifth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 8167]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
[Ruangan 8195]

USUL UNTUK MENGEMUKAKAN RANG UNDANG-UNDANG AHLI
PERSENDIRIAN:

Akta Kawalan Sewa (Pindaan), 1979 [Ruangan 8195]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Pemberian Pertambahan Hasil (Pindaan [Ruangan 8199])

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELIMA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' (DR) SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.P., P.I.S., B.S.I.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Wilayah Persekutuan, DATO' HUSSEIN ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.P.M.S., S.S.A.P. (Kubang Pasu).

Yang Berhormat Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO LEE SAN S.P.M.J., S.S.I.J., K.M.N. (Segamat).

„ Menteri Undang-undang, DATO' SERI HAJI HAMZAH BIN HAJI ABU SAMAH, S.S.A.P., S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).

„ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TAN SRI DATO HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.M.J., S.P.D.K., S.S.I.J. (Tenggaroh).

„ Menteri Kebajikan Am, DATIN PADUKA HAJJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).

„ Menteri Pertahanan, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).

„ Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Pelajaran, DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., (Labis).

„ Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).

„ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Jelebu).

„ Menteri Kesihatan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam)

„ Menteri Pertanian, DATO' SHARIFF AHMAD, D.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).

„ Menteri Penerangan, DATO MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., K.M.N. (Pulai).

„ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' RICHARD HO UNG HUN, D.P.M.P. (Lumut).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).

Yang Berhormat Menteri Perusahaan Awam, DATO' ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T.
P.P.T. (Kuala Trengganu).

- „ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN LEO MOGGIE ANAK IROK (KANOWIT).
- „ Menteri Perumahan dan Kemajuan Tempatan, DATO DR NEO YEE PAN, D.P.M.J. (Muar).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, DATO MANSOR BIN OTHMAN, K.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' MOKHTAR BIN HAJI HASHIM, D.S.L.D. (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N., K.M.N. (Shah Alam).
- Timbalan Menteri Penerangan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATUK HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., S.M.T., P.B. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI DATO' SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- „ Timbalan Menteri Undang-undang, DATO' ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N. (Ulu Nerus).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerlun-Langkawi).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO S. SAMY VELLU, D.P.M.S., A.M.N., S.M.S., P.C.M. (Sungai Siput).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN MAK HON KAM, J.M.N., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHAMED NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S, D.S.A.P. (Pekan).

Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DR NIK HUSSEIN BIN ABDUL RAHMAN, K.M.N. (Kuala Krai).

„ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, TUAN CLARENCE E. MANSUL (Penampang).

„ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN CHIN HON NGIAN (Renggam).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN LUHAT WAN (Baram).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan, DATO ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Batu Pahat).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO HAJI EMBONG BIN YAHYA, D.P.M.J., A.M.N., P.I.S. (Ledang).

„ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD (Johor Bahru).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, TUAN ABDULLAH BIN HAJI AHMAD, K.M.N. (Kepala Batas).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.M.T., S.M.S., P.I.S. (Kuala Selangor)

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN IDRIS BIN ABDUL RAUF, A.M.P., A.M.N. (Parit Buntar).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN ABDUL RAHIM BIN DATUK THAMBY CHIK, P.J.K. (Alor Gajah).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, TUAN WILLIAM LYE CHEE HIEN (Gaya).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN MOHD. KASSIM *alias* Yahya bin Ahmad (Machang)

„ TUAN ABBAH BIN MENGIMBAL *alias* GEORGE ABBAH (Bandau).

„ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

„ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K. (Kinabatangan).

„ TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).

„ TUAN ABDUL RAHMAN BIN DAUD (Pasir Mas).

„ DATUK PATINGGI TAN SRI (DR) HAJI ABDUL RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.M.N., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.M.K., S.P.D.K., P.N.B.S. (Paloh).

„ TUAN ABDUL SHUKUR BIN HAJI SIRAJ (Tanjung Karang).

„ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).

„ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Trengganu).

„ TUAN A. K. ALIUDDIN BIN PENGIRAN HAJI MOHD. TAHIR (Kimanis).

„ TUAN HAJI AMPONG BIN PUYON, A.S.D.K., A.D.K., J.P.U., J.P. (Labuk Sugut).

„ DATUK HAJI ASHKAR HASBOLLAH, P.G.D.K. (Marudu).

Yang Berhormat TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).

- ” TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- ” TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- ” TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- ” TUAN CHAN TECK CHAN (Kota Melaka).
- ” TUAN CHAN KOK KIT *alias* CHAN KIT (Sungai Besi).
- ” DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- ” DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).
- ” TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- ” TUAN CHIENG TIONG KAI (Sarikei).
- ” PUAN CHOW POH KHENG, S.M.S. (Ulu Langat).
- ” TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).
- ” TUAN PETER PAUL DASON (Bukit Bendera).
- ” TUAN V. DAVID (Damansara).
- ” DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).
- ” DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Keningau).
- ” TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- ” DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K. (Ulu Padas).
- ” TUAN HASHIM BIN ENDUT (Ulu Muda).
- ” TUAN HASHIM BIN GHAZALI, A.M.N. (Matang).
- ” TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).
- ” DR HEE TIEN LAI, A.M.N., P.I.S., B.S.I., (Ayer Hitam).
- ” TUAN HIEW NYUK YING (Tawau).
- ” TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
- ” TUAN HUSSEIN BIN MAHMOOD (Tanah Merah).
- ” TUAN IBRAHIM BIN MUHAMMAD, P.B., P.P.M., P.P.N. (Rantau Panjang).
- ” TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).
- ” TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- ” TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- ” TUAN JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- ” TUAN KAMALUDDIN BIN MAAMOR (Hilir Perak).
- ” TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- ” TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- ” DATUK LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- ” TUAN LEE KAW (Kluang).
- ” TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).

Yang Berhormat TUAN LIBEN ANAK KATO (Betong).

- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING, A.M.K. (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Petaling).
- „ TUAN LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, J.B.S. (Kapit).
- „ TUAN MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI (Grik).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN HAJI MOHAMMAD TAUFEK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, D.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS, A.M.P. (Parit).
- „ TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- „ TUAN MOHD. NAKHAIE BIN HAJI AHMAD (Baling).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHAMED YASSIN, P.I.S. (Pagoh).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.N.B.D., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ DATUK JAMES PETER ONGKILI, D.I.M.P. (Tuaran).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K., S.D.K. (Alor Setar).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Menglembu).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Bukit Mas).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Silam).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, J.M.N., A.M.P., P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- „ PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI MOHAMMED (Semerah).
- „ TUAN SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATO' HAJI KAMARUDDIN, A.M.N., S.M.S. (Sepang).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, A.M.P., P.J.K. (Arau).
- „ TUAN RAYMOND SZETU MEI THONG (Lambir).

Yang Berhormat TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Raub).

- „ DR TAN TIONG HONG (Kepong).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN TING CHEK MING (Bruas).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN UMAR BIN HAJI ISMAIL, A.M.N., P.P.T. (Padang Rengas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMED (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M.A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN WONG HOONG KEAT (Tanjong).
- „ DR WONG SOON KAI, P.B.S. (Sibu).
- „ TUAN YANG CHOONG FU (Kinta).
- „ PUAN YONG FATIMAH BINTI MOHD. RAZALI, A.M.N., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN YUSOF BIN MALIM KUNING *alias* ABDUL RAHMAN BIN MOHD. JANI P.I.S., B.S.I. (Panti).
- „ TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI ALI, P.J.K. (Permatang Pauh).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P.B. Menon.

Penolong Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Jumaat, 12hb Oktober, 1979

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

**MAKTAB RENDAH SAINS MARA—
PENGGAL PERSEKOLAHAN**

1. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan sama ada beliau sedar bahawa penggal persekolahan antara Kolej Sains Rendah MARA dengan penggal persekolahan Kerajaan tidak sama antara satu sama lain.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam (Tuan Idris bin Abdul Rauf): Tuan Yang di-Pertua, saya menyedari perkara ini, iaitu penggal Maktab Rendah Sains MARA tidak sama dengan penggal persekolahan Kementerian Pelajaran.

MINYAK DIESEL—KEKURANGAN

2. Tuan Ismail bin Said minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada beliau sedar atau tidak bahawa dalam usaha-usaha Kerajaan mengatasi masalah kekurangan disel dengan cara campur tangan Kerajaan dalam perniagaan minyak melalui PETRONAS, ada golongan tertentu yang cuba menyulitkan usaha-usaha ini. Jika ya, apakah tindakan dan langkah yang diambil bagi menyingkirkan golongan ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Abu Hassan bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya tidak sedar tentang adanya golongan yang tertentu yang cuba

menyulitkan usaha-usaha Kerajaan untuk menjalankan perusahaan minyak melalui PETRONAS.

Jikalau Ahli Yang Berhormat itu atau Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain dalam Dewan yang mulia ini ada maklumat specific mengenainya, silalah laporkan kepada saya atau terus kepada PETRONAS untuk siasatan, dan jika perlu, untuk tindakan sewajarnya.

Tuan Lee Kaw: Tuan Speaker, adakah Setiausaha Parlimen berkenaan sedar di Johor enforcement ini baru ada 7 orang kakitangan sahaja dan tiap-tiap kali kita berunding dengan Enforcement Officer, katanya tidak cukup kakitangan. Apakah tindakan diambil untuk menambahkan kakitangan ini?

Tuan Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini adalah berlainan sedikit daripada soalan asal, iaitu mengenai PETRONAS, padahal soalan Yang Berhormat ialah mengenai penguatkuasa.

Tuan Lee Kaw: Enforcement Officer ini pun menyiasat jikalau ada komplek mengenai penjualan-penjualan (petroleum trade).

Tuan Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya akan menyiasat berkenaan perkara ini, sekiranya perlu ditambah kita akan berbuat demikian.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Di dalam penglibatan PETRONAS dalam pengedaran minyak disel ini adakah ini bermakna bahawa secara beransur-ansur dan secara jangka panjang Kerajaan hanya akan memberikan hak pengedaran minyak disel hanya kepada PETRONAS atau agen-agen yang dilantik oleh PETRONAS.

Tuan Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini pihak PETRONAS menjalankan "downstream activitiesnya" sendiri, iaitu membuka pam-pam minyak seperti dimaklumkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Perdana Menteri dalam Dewan yang mulia ini semalam, tetapi bagi jangka panjangnya PETRONAS akan mengadakan rancangan tertentu untuk membolehkan supaya agen-agen PETRONAS juga dilantik.

PRINSIP "ACCOUNTABILITY"

3. Tuan Fung Ket Wing (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan apakah sistem berkesan Kerajaan mempunyai untuk menentukan terdapat kawalan yang sewajar ke atas wang-wang awam yang digunakan untuk projek-projek di bawah Rancangan Malaysia Ketiga dengan memberikan perhatian yang sewajar terhadap prinsip "accountability" dan sama ada prinsip "accountability" yang sedia ada adalah memuaskan; jika tidak apakah rancangan yang Kerajaan mempunyai untuk memper-"accountability" untuk menentukan prinsip baiki sistem yang sedia ada atau prinsip tersebut diterima dan dihormati.

Timbalan Menteri Kewangan (Datin Paduka Rafidah Aziz): Tuan Yang di-Pertua, seperti Yang Berhormat sedia maklum, konsep "accountability" di dalam pengurusan wang awam Kerajaan adalah melibatkan Sistem Kawalan Kewangan (Financial Control System) dan juga Sistem Kawalan Belanjawan (Budgetary Control System). Tiap-tiap sistem tersebut mempunyai peraturan-peraturan yang tertentu bagi menentukan bahawa semua wang yang dibelanjakan baik di bawah peruntukan perbelanjaan projek pembangunan maupun di bawah peruntukan perbelanjaan mengurus adalah dibelanjakan dengan cekap dan berkesan bagi mencapai segala matlamat Kerajaan.

Dari segi sistem kawalan kewangan, ianya berpunca dari kawalan Parlimen melalui peruntukan di bawah Bahagian VII, Bab I, Perkara 96 hingga 112 Perlembagaan Persekutuan. Ini termasuklah peranan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara yang mana Ahli Yang Berhormat dari Menglembu sendiri menjadi seorang ahli yang aktif. Selain dari itu, kawalan kewangan awam juga dikuatkuasakan melalui undang-undang tertentu seperti Akta Acara Kewangan, 1957

(Financial Procedure Act), Akta Kumpulan-wang Pembangunan, 1966 (Development Fund Act) dan Akta Odit, 1957 (Audit Act). Di samping Akta-akta tersebut, kawalan kewangan adalah juga dikuatkuasakan melalui peraturan-peraturan pentadbiran dan pengurusan seperti Arahan Perbendaharaan (Treasury Instructions), Pekeliling-pekeling dan Surat-surat Perbendaharaan yang dikeluarkan dari masa ke semasa.

Dari segi kawalan belanjawan pula, Kerajaan telah mengambil beberapa langkah positif untuk memperkemas lagi sistem belanjawan yang sedia ada di antaranya termasuklah langkah-langkah berikut:

- (i) Melaksanakan Sistem Belanjawan Program dan Prestasi. Sebagai satu teknik pengurusan moden, sistem ini apabila dilaksanakan sepenuhnya akan membolehkan pihak pengurusan membuat kawalan belanjawan menerusi perbelanjaan - input dan prestasi - output, serta hubungannya dengan pencapaian matlamat dan tujuan Kerajaan bagi memenuhi hasrat rakyat.
- (ii) Mulai awal tahun ini, Odit Pengurusan telah juga mula dilaksanakan dalam beberapa agensi Kerajaan Pusat yang besar. Tujuannya adalah untuk membantu pihak pengurusan memperbaiki dengan segera jika ada apa-apa kelemahan di dalam kawalan kewangan atau penyimpangan dari segi pencapaian tujuan Kementerian dan jabatan berkenaan di samping mencadangkan langkah-langkah baru bagi memperbaiki sistem yang sedia ada.
- (iii) Kerajaan juga telah memodenkan sistem maklumat menerusi komputer untuk mendapatkan maklumat-maklumat yang segera baik dari segi kewangan maupun dari segi belanjawan supaya Kerajaan dapat mengkaji dan mengesan secara berterusan atas kemajuan pelaksanaan rancangan-rancangan Kerajaan baik dari segi kewangan ataupun dari segi belanjawan. Dengan demikian tindakan segera boleh diambil jika didapati ada apa-apa kelemahan dalam melaksanakan rancangan-rancangan tersebut.

Bagi menentukan bahawa prinsip-prinsip "accountability" di dalam pengurusan wang awam itu dipatuhi, Kerajaan telahpun

meminda Akta Acara Kewangan, 1957 dalam tahun 1977 di mana Pegawai-pegawai Pengawal (Controlling Officers) diwajibkan membuat laporan kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan Pihak Berkuasa Kewangan mengenai tindakan "surcharge" ke atas mana-mana pegawai yang didapati gagal mematuhi peraturan-peraturan kewangan dan belanjawan yang telah dinyatakan. Di samping itu, pindaan telah juga dibuat kepada Akta Odit dalam tahun 1978 bagi membolehkan Ketua Odit Negara menjalankan Odit Prestasi (Performance Audit) di samping Odit Kewangan (Financial Audit) yang biasa dijalankan pada masa yang lalu.

Setakat ini sistem-sistem kawalan yang sedia ada bagi menjamin keutuhan prinsip "accountability" dalam perbelanjaan awam adalah mencukupi. Namun begitu, Kerajaan akan terus berusaha untuk mengemaskan sistem-sistem tersebut dari semasa ke semasa sesuai dengan masa dan keadaan.

ISU-ISU UGAMA DAN PERKAUMAN CHAUVINISTIK

4. Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan adakah beliau sedar bahawa sebilangan besar pemimpin parti pembangkang telah menggunakan isu-isu Uagama dan perkauman chauvinistik di dalam kempen pilihanraya bagi memancing undi dan kepentingan politik mereka. Jika sedar, apakah langkah-langkah Kerajaan untuk menyekat pemimpin-pemimpin tersebut daripada memperbesar-besarkan dan mempergunakan lagi isu sensitif itu di masa-masa akan datang, demi untuk meneguhkan lagi perpaduan rakyat majmuk negara ini.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Tuan Yang di-Pertua, pihak Kerajaan hanya boleh mengawasi perkara-perkara yang tertakluk di bawah Undang-undang Akta Hasutan yang mengawasi isu-isu sensitif atau tertakluk di bawah undang-undang yang menjaga keselamatan dan ketenteraman awam. Sekiranya undang-undang itu dicabul maka segala kuatkuasa undang-undang akan dijalankan terhadap mereka yang bersabit dan mereka yang terlibat. Sekiranya ada parti politik yang menyentuh

isu ugama atau isu perkauman tanpa melanggar undang-undang yang saya sebut tadi, maka ini terserahlah kepada parti-parti politik yang bertentangan dengannya untuk memberi jawapan dengan cara yang sesuai dengan soalnya.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri adalah Yang Berhormat Menteri mendapat semua laporan atau rekod-rekod kegiatan pemimpin parti yang menggunakan isu-isu ugama dan perkauman ini? Jika semua perkara ini berlaku di dalam pengetahuan pihak yang berkuasa, apakah langkah yang akan diambil bagi membolehkan perkara ini diambil tindakan?

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, segala perkara yang disampaikan kepada Kementerian dihantar kepada Jabatan Peguam Negara untuk dipertimbangkan. Pendeknya tidak ada yang lepas daripada tapisan.

Tuan Lim Cho Hock: Tuan Speaker, di negara kita masalah perpaduan rakyat adalah satu masalah yang berat (serious). Adakah Menteri sedar di negara kita ada parti-parti perkauman? Satu parti ada satu bangsa sahaja menjadi anggota seperti UMNO Melayu sahaja boleh masuk jadi anggota, M.C.A. Cina sahaja dan M.I.C. orang India. Adakah Kerajaan tahu bahawa the existence of these parties

Tuan Yang di-Pertua: Siapakah yang benarkan cakap Inggeris?

Tuan Lim Cho Hock: keadaan racial parties ini ada memecahkan perpaduan rakyat.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, soal ini tidak ada campur dalam soal pertama iaitu soalan di dalam kempen pilihanraya.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa ada pemimpin-pemimpin politik dalam Barisan Nasional yang menggunakan isu-isu ugama dan isu-isu perkauman dalam kempen-kempen pilihanraya dan adakah semua ucapan-ucapan mereka disemak oleh pihak yang berkuasa dan tindakan sewajarnya diambil?

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, semua di-senjak termasuk Ahli Yang Berhormat.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri dalam pilihanraya di Sarawak baru-baru ini, adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa DAP ini menggunakan isu perkauman dalam kempen pilihanraya walaupun dia tidak menang?

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, soal itu sudah dijawab oleh rakyat. (*Tepuk*)

BUMIPUTRA DALAM PERDAGANGAN

5. Tuan Shaari bin Jusoh minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan adakah Kementerian beliau menambah bilangan orang-orang Melayu yang menyertai perdagangan antarabangsa dan jika tidak, nyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian beliau untuk menambah bilangan usahawan-usahawan Melayu di dalam bidang ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Abu Hassan bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya memaklumkan bahawa Kementerian saya sentiasa menggalakkan Bumiputra untuk menyertai perdagangan di peringkat antarabangsa. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mengikut Daftar Pengekspot/Pengimpot Bumiputra yang terdapat di Kementerian, bilangan Bumiputra telah bertambah dari 167 orang di penghujung tahun 1978 kepada 220 orang sehingga hari ini.

Kementerian saya sentiasa memberikan nasihat kepada pengeksport-pengeksport Bumiputra tentang keadaan dan kehendak-kehendak pasaran di Luar Negeri. Segala pertanyaan perdagangan yang diterima dari lain-lain Negeri, iaitu pertanyaan-pertanyaan bagi mengimpot barangan dari Malaysia, dan pertanyaan-pertanyaan untuk mengeksport ke Malaysia, adalah diedarkan di antara lain kepada Dewan-dewan Perniagaan dan Perindustrian Melayu, Syarikat-syarikat

Bumiputra yang menjalankan kegiatan-kegiatan impot dan eksport, dan lain-lain Syarikat Bumiputra yang mungkin berminat menjalankan kegiatan-kegiatan ini.

Salah satu usaha untuk meningkatkan lagi eksport Negara ini ialah dengan menganjurkan aktiviti-aktiviti galakan eksport yang bertujuan memperkenalkan barang-barang keluaran Malaysia di pasaran Luar Negeri. Ini termasuklah mengambil bahagian dalam pertunjukan-pertunjukan perdagangan dan Malaysia sendiri menganjurkan pertunjukan-pertunjukan perdagangan di lain-lain Negeri. Di samping itu, Kerajaan juga menghantar rombongan-rombongan perdagangan ke luar Negeri. Para pengeksport dan pengimpot Bumiputra turut dipelawa menyertai aktiviti-aktiviti ini.

Di samping itu, Kementerian saya juga mengeluarkan beberapa penerbitan mengenai pasaran antarabangsa iaitu:

- (i) Trade Abroad;
- (ii) Tinjauan Pasaran;
- (iii) Pekeliling Bulanan; dan
- (iv) Panduan Eksport

Penerbitan-penerbitan ini memberi panduan dan fahaman berhubung dengan keadaan dan kehendak-kehendak pasaran di Luar Negeri. Kesemuanya ini adalah disebarikan di antara lain kepada Dewan-dewan Perniagaan dan Perindustrian Melayu dan para pengeksport, termasuklah pengeksport-pengeksport Bumiputra.

Tuan Hussein bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebentar tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen yang berkenaan telah menyatakan bahawa terdapat pertambahan pengeksport bumiputra mulai akhir tahun 1978 sehingga hari ini daripada 167 orang kepada 220 orang bilangan pengeksport Melayu. Soalan saya adakah angka-angka ini hanya terhad kepada orang-orang Melayu perseorangan ataupun termasuk juga syarikat-syarikat yang ditakrifkan sebagai syarikat bumiputra, kalau beliau dapat tolong terangkan pecahan kepada dua jenis bahagian tersebut.

Tuan Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, angka yang saya berikan tadi adalah termasuk golongan bumiputra perseorangan, Syarikat-syarikat Bumiputra dan juga syarikat-syarikat usaha sama yang

ditakrifkan sebagai Syarikat Bumiputra. Saya tidak dapat memberi pecahan atau peratus bagi tiap-tiap bahagian itu; saya minta notis.

Tuan Shaari bin Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Baru-baru ini satu rombongan ke luar negeri untuk menarik pelaburan asing yang diketuai oleh Menteri Perdagangan, saya ingin bertanya di sini dalam rombongan tersebut berapa orangkah ramainya dan di antara seramai itu berapa orangkah bumiputra yang dihantar dan daripada saluran mana, adakah daripada persendirian ataupun atas nama badan perniagaan Melayu dan sebagainya? Dan yang kedua pula

Tuan Yang di-Pertua: Banyak benar perkataan "dan", itu bukan soalan tambahan.

Tuan Shaari bin Jusoh: Dan yang kedua, bila rombongan itu telah mendapat kerjasama daripada negeri-negeri yang dilawati dengan melabur dalam negara kita Malaysia, adakah perkara yang dilaburkan itu akan diberi keutamaan kepada badan-badan perniagaan bumiputra?

Tuan Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, misi pelaburan yang diketuai oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang masih berada di Eropah pada masa ini adalah berjumlah seramai 80 orang. Ini termasuk pegawai-pegawai daripada beberapa Kementerian dan juga Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri-negeri. Dari segi sektor swasta, pada keseluruhannya di antara 80 orang itu 69 orang adalah terdiri daripada sektor swasta dan daripada mereka itu seramai 23 orang adalah terdiri daripada peniaga-peniaga Bumiputra. Ini tidak termasuk wakil-wakil daripada Badan-badan Berkanun ataupun Syarikat-syarikat yang ditaja oleh Kerajaan, iaitu lebih kurang 30 orang.

Untuk menjawab soalan yang lain daripada Ahli Yang Berhormat itu, sebagaimana yang saya katakan sebilangan besar daripada mereka itu datangnya daripada Syarikat-syarikat Bumiputra persendirian tetapi ada juga wakil-wakil daripada Dewan Perniagaan dan Perindustrian Melayu Malaysia. Pelaburan yang dibuat oleh mereka dalam negara ini terpulanglah kepada perhubungan dan juga perbincangan yang berlaku di luar negeri di antara ahli-ahli misi itu dengan bakal-bakal pelabur yang berkenaan. Jika

perhubungan itu menghasilkan sesuatu projek, adalah dipercayai bahawa siapa juga yang mengadakan perbincangan, termasuk kaum Bumiputra, akan menyertai projek-projek itu.

Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sama ada beliau sedar bahawa pada masa ini pihak Kementerian ada mencadangkan supaya 30% daripada saham-saham usahasama dengan luar negeri ataupun 30% sekurang-kurangnya daripada kakitangan yang bekerja dalam syarikat-syarikat joint-venture itu mestilah terdiri daripada bumiputra. Soalan saya kepada Yang Berhormat itu sama ada pihak Kerajaan bercadang untuk mempertingkatkan lagi penyeritaan bumiputra dalam perniagaan agensi ataupun pengedaran barang-barang yang diimport daripada luar negeri kepada paras 30%.

Tuan Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, paras 30% itu adalah paras minima. Jadi memanglah menjadi dasar Kerajaan untuk meningkatkan lagi usah-usaha ini dan jika ada lebih ramai lagi pihak ataupun peniaga Bumiputra yang ingin berkecimpung serta memasuki dalam lapangan impot/ekspot dan sebagainya termasuklah saham, ini memanglah digalakkan.

Tuan Shaari bin Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di dalam Kementerian Perdagangan ada satu yunit khas untuk memajukan bumiputra. Adakah yunit atau bahagian itu dapat menjalankan bahagiannya dengan lancar, bererti kalau satu-satu industri yang tidak mahu mengikuti arahan daripada yunit itu, misalnya minta menjadikan bumiputra sebagai pengedar, bolehkah yunit itu akan mengambil langkah? Kedua, berapakah bilangan pegawai bumiputra yang bertugas di yunit itu?

Tuan Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan yang kedua, Kementerian saya mempunyai satu bahagian khas sebagaimana yang termaklum, iaitu Bahagian Penyeritaan Bumiputra, dan setakat ini mengandungi seramai 21 orang pegawai-pegawai tinggi iaitu Pegawai PTD dan Pegawai PTA dan tidak termasuk kerani dan lain-lain.

Mengenai soalan yang pertama, sama ada bahagian ini boleh mengambil tindakan terhadap pekilang atau mereka yang berkenaan yang tidak mengikuti arahan yang telah diberikan, sukacita saya menyatakan bahawa pekilang-pekilang yang dilesenkan di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian, 1975 mempunyai syarat-syarat yang tertentu yang telah ditetapkan mengenai penubuhan satu-satu projek. Syarat-syarat ini termasuklah berkenaan penyertaan Bumiputra. Sekiranya didapati mereka tidak mematuhi syarat-syarat yang berkenaan, tindakan boleh diambil.

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohamed Yassin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sedar bahawa sebahagian besar dari hasil eksport negara adalah diusahakan oleh pekebun kecil getah yang terdiri daripada kaum bumiputra tetapi bilangan pengeksport bumiputra dalam bidang ini amatlah berkurangan dan sekiranya beliau sedar, apakah langkah yang sedang dan akan diambil oleh pihak Kerajaan bagi menambah bilangan penyertaan bumiputra dalam bidang ini?

Tuan Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, selalunya getah dieksport melalui agensi-agensi yang tertentu, iaitu yang sudah established dan sebagainya, tetapi ini tidak bermakna bahawa syarikat-syarikat ataupun agensi-agensi baru yang dipunyai oleh Bumiputra tidak boleh mengambil bahagian di dalam lapangan yang berkenaan. Ini terpujanglah kepada Syarikat-syarikat Bumiputra sendiri dan juga kalau saya tidak silap, MARDEC juga adalah satu agensi yang memainkan peranan yang penting dalam perkara ini yang mana boleh dihubungi oleh Syarikat-syarikat Bumiputra itu.

YURAN TUITION DI BRITAIN

6. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Pelajaran menyatakan secara mendalam apakah langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kerajaan untuk membantu penuntut-penuntut Malaysia yang terjejas dengan kenaikan tinggi yuran-yuran tuition di Britain memandangkan bahawa Kerajaan British baru-baru ini telah memutuskan untuk mengenakan kenaikan bayaran sebanyak 33%

mulai bulan September dan cadangan selanjutnya untuk mengenakan penuntut-penuntut itu bayaran penuh ke atas kursus-kursus mereka.

Menteri Pelajaran (Dato' Musa bin Hitam): Tuan Yang di-Pertua, soalan yang berupa sama hasratnya telahpun dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Petaling pada hari semalam 11-10-1979 dalam Dewan ini dan saya telah menjawabnya dengan cara bertulis oleh sebab kekurangan masa. Walau bagaimanapun, kalaulah ada apa-apa kemusykilan, saya sedia menjawabnya,

Tuan Lee Lam Thye: Saya ada dua soalan tambahan. Yang pertama, saya mendapat tahu bahawa pada permulaannya Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah \$300,000 sebagai kemudahan pinjaman untuk penuntut-penuntut Malaysia apabila mereka ada menghadapi masalah kewangan. Dan di sini saya suka bertanya sama ada Kerajaan bercadang untuk menambah jumlah ini pada masa akan datang.

Yang kedua, saya ingin mendapat tahu sama ada beliau bercadang dengan pihak berkuasa pelajaran di United Kingdom mengenai masalah kenaikan yuran-yuran dan apakah hasil yang diperolehi?

Dato' Musa bin Hitam: Tuan Yang di-Pertua, peruntukan sebanyak \$300,000 yang saya sebutkan semalam sebenarnya ialah merupakan peruntukan permulaan seperti saya sebutkan. Ini bermakna bahawa dari setahun ke setahun apabila difikirkan perlu, insya Allah, akan ditambah mengikut keadaan itu sebagai jawapan kepada soalan yang pertama.

Soalan kedua, saya tidak mengadakan perundingan cara rasmi dengan Kerajaan United Kingdom berhubung dengan masalah ini. Walau macam manapun, di dalam lawatan saya baru-baru ini dan juga di dalam lawatan saya pada permulaan tahun beberapa bulan yang lalu, saya telah sempat bertukar-tukar fikiran dengan pihak-pihak yang ada kaitan dengan soal ini. Tujuan saya mengadakan perbincangan ini cuma hendak memastikan sahaja apakah akibat atau erti sebenarnya yang dikatakan kenaikan pembayaran pelajaran yang dikenakan ataupun dicadangkan waktu itu oleh Kerajaan United Kingdom. Saya tidak mengadakan apa-apa perbincangan dengan rasmi oleh sebab seperti saya katakan di dalam jawapan saya

semalam Kerajaan Malaysia menghormati kuasa tiap-tiap Kerajaan untuk mengambil langkah seperti yang telah diambil. Walau macam manapun, apa juga usaha yang boleh dari segi perbincangan tidak rasmi ataupun rayuan telahpun disampaikan dengan cara tidak rasmi melalui saluran-saluran tertentu di United Kingdom, Australia dan New Zealand.

Tuan Lim Kit Siang: Bolehkah Yang Behormat Menteri menjelaskan sama ada pinjaman-pinjaman permulaan yang sebanyak \$300,000 ini terhad kepada pelajar-pelajar yang di luar negeri atas biasiswa-biasiswa Kerajaan atau semi-biasiswa-biasiswa Kerajaan seperti MARA dan lain-lain atau kemudahan pinjaman ini akan terbuka kepada semua pelajar-pelajar rakyat Malaysia di luar negeri yang menghadapi kesusahan oleh kerana kenaikan bayaran universiti-universiti di luar negeri.

Kedua, apakah cara pinjaman ini, adakah non-interest atau dikenakan interest atau apakah caranya?

Dato' Musa bin Hitam: Tuan Yang di-Pertua, jumlah peruntukan \$300,000 ini khas untuk keadaan di United Kingdom. Untuk mengelakkan salah faham ianya tidak meliputi Australia dan New Zealand oleh sebab kebanyakan daripada pelajar-pelajar kita di United Kingdom seramai lebih kurang 16,000 orang. Ini jawapan yang pertama.

Yang kedua, saya sendiri telah memastikan dan memberi arahan kepada pihak-pihak yang berkenaan di United Kingdom yang mentadbirkan peruntukan ini supaya ketutamaan diberi kepada pelajar-pelajar yang tidak menerima biasiswa daripada Kerajaan.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan kedua mengenai cara.

Dato' Musa bin Hitam: Tuan Yang di-Pertua, dari segi cara ataupun syarat-syarat pinjaman ini saya belum dapat memastikan sama ada interest dikenakan atau tidak oleh sebab seperti saya jawab semalam pada prinsipnya, pada dasarnya Kerajaan telah bersetuju dan perbincangan sedang dibuat dengan pihak Perbendaharaan dari segi pembayaran balik. Walau macam manapun, saya suka menyatakan bahawa saya akan cuba sedaya upaya memberi kesusahan ataupun

kesukaran yang minima kepada pelajar-pelajar kita yang menghadapi apa yang saya katakan semalam sebagai kesesakan pembayaran pelajaran mereka.

Dr Tan Tiong Hong: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana kenaikan 33% yuran-yuran tuition di Britain, saya ingin tahu adakah atau tidak Kementerian Pelajaran bercadang mengadakan lebih lagi biasiswa selain dari peruntukan \$300,000 yang telah diberi kepada penuntut-penuntut yang ingin belajar di UK di tahun yang akan datang.

Dato' Musa bin Hitam: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya ini soal lain, tetapi saya suka menyatakan bahawa Kerajaan sentiasa cuba sedaya upaya memberi dengan seluas-luasnya, seramai-ramainya anak-anak kita yang hendak belajar di luar negeri di dalam bidang-bidang yang tertentu. Jadi jawapannya ialah dari semasa ke semasa akan ditambah mengikut keperluan negara.

Tuan Lee Lam Thye: Suka saya bertanya sama ada Kerajaan bercadang untuk menubuhkan satu tabung khas dengan bantuan daripada pihak swasta sebagai satu langkah jangka panjang untuk membantu murid-murid atau pelajar-pelajar yang ada menghadapi kesusahan.

Dato' Musa bin Hitam: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya peruntukan \$300,000 seperti saya katakan ialah peruntukan permulaan, malahan Kerajaan telahpun mula dapat tawaran daripada pihak-pihak yang tertentu, pihak swasta untuk menambah tabung ini dan saya sedang berusaha memastikan syarat-syarat maklumlah takut ada strings attached dan sebagainya. Jadi memang sudah ada peruntukan yang nampaknya lebih telah datang tawaran daripada pihak swasta dan peruntukan ini akan dimasukkan dalam peruntukan \$300,000 ini. Saya percaya apabila tahun 1980 tiba nanti tidak berapa bulan lagi angka \$300,000 ini akan dapat dipertingkatkan lagi dengan tambahan daripada swasta oleh sebab tabung yang saya sebutkan ini ialah merupakan satu tabung khas yang akan ditadbirkan oleh pihak wakil Kementerian ataupun Pejabat MSD di London.

Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada Yang Berhormat Menteri

kerana telah memberikan peruntukan sebanyak \$300,000 kepada pelajar-pelajar kita yang terkandas di luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua: Ini bukan soalan tambahan.

Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali: Tetapi Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada beliau sedar bahawa kebanyakan daripada pelajar-pelajar kita yang pergi keluar negeri ini terdiri daripada mereka yang tercicir, setengah-setengahnya keciciran di dalam SPM dan MCE. Jadi saya ingin bertanya dalam masa kita memberi subsidi kepada pelajar-pelajar kita di luar negeri sama ada Kerajaan juga bercadang untuk memberi subsidi kepada pelajar-pelajar kita yang tercicir di dalam negeri yang hari ini menuntut di sekolah-sekolah swasta dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan ini di luar daripada soalan asal, tidak payahlah dijawab.

Tuan Lim Kit Siang: Yang pertama kita mengalu-alukan cadangan baik itu daripada prinsip kerana memberi pertolongan kepada pelajar-pelajar kita di luar negeri. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar kerana peruntukan permulaan itu adalah sangat kecil oleh kerana mengikut angka terdapat 16,000 pelajar-pelajar di UK; kalau kita beri, seorang pelajar akan dapat \$20 sahaja dan ini tidak akan memberi apa-apa bantuan untuk mengatasi masalah-masalah kewangan.

Dengan itu, bolehkah Yang Berhormat Menteri, pertama, menimbangkan peruntukan permulaan itu dan berhubung dengan Treasury supaya angka ini ditambah dengan serta merta?

Kedua, adakah Kementerian berhajat untuk memperluaskan sekim ini untuk memberi faedah kepada pelajar-pelajar di lain-lain negara seperti Australia dan New Zealand di mana mereka pun menghadapi masalah kenaikan bayaran universiti-universiti; dan ketiga adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa sekarang kenaikan bayaran baru di UK adalah 33% dan di tahun hadapan cadangan Kerajaan Conservative ialah supaya

setiap pelajar membayar full cost pelajaran-pelajaran mereka iaitu mereka akan menaikkan bayaran sehingga 150% dan apa tindakan Kerajaan akan ambil untuk menghadapi masalah baru yang akan timbul?

Tuan Yang di-Pertua: Soalan yang pertama itu telah dijawab dua kali oleh Yang Berhormat Menteri. Perkara serta-merta itu tidak ada, tetapi soal yang lain bolehlah dijawab.

Tuan Lim Kit Siang: Yang Berhormat Menteri tentu tahu.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Dato' Musa bin Hitam: Tuan Yang di-Pertua, memang menjadi kebiasaan pihak Ketua Pembangkang ini walau macam mana besar, banyak pun kita beri dia gunakan macam-macam helah mengatakan tidak cukup. Tidak mengapa, saya appreciate. Memang benarlah peranan dikatakan walau saya kata \$1 juta pun dia kira pula dengan berapa ramai, dia kata \$30 ataupun kalau \$300,000—\$20 seorang; kalau \$1 juta—\$50 seorang pun tidak cukup juga. Jadi \$2 juta, \$3 juta kalau hendak ikutkan semuanya. Tetapi saya katakan tadi sebagai permulaan dan kita mestilah ingat bahawa 16,000 yang saya katakan tadi sebenarnya bukan merupakan anak-anak kita yang pergi ke sana yang tidak ada wang. Sebelum dia pergi dia telah memastikan bahawa dia memang orang yang boleh dikatakan mampu. Kalau tidak, tidak tiba ke sana. Ini yang private yang hendak dibantu. Jadi kalau sudah mampu adalah sedikit sebanyak wangnya. Apa yang hendak dibuat ini ialah membantu di dalam masa mereka ada kecemasan dan tiap-tiap seorang pada masa yang akan datang apabila menghantar anak-anak mereka tentulah memikirkan dan membuat kira-kira sama ada mereka mampu atau tidak hendak menghantar. Kalau tidak, inilah satu keadaan yang terjadi nampaknya di seluruh dunia, semakin lama semakin sempit kedudukan kita dari segi mendapatkan pelajaran tinggi.

Yang kedua soalnya yang menyebutkan cadangan Kerajaan British Conservative yang hendak menaikkan lagi, menambahkan lagi bayaran pelajaran untuk anak-anak dari luar negeri datang ke United Kingdom.

Ini ialah satu soal yang merupakan ura-ura ataupun khabar-khabar angin sahaja. Saya pun belum dengar lagi sampai 115% pula, tidak tahulah agaknya Ahli Yang Berhormat ini ada kawan baik dalam Conservative Party di United Kingdom, saya tidak dengar. Saya belum dapat dengar lagi. Walau macam manapun ini ialah masalah yang akan dihadapi oleh kita dari semasa ke semasa dan percayalah bahawa yang \$300,000 ini harus dianggap sebagai simbolik kepada hasrat Kerajaan hendak membantu anak kita yang menghadapi kecemasan di dalam hal ini apabila mereka menghadapi soal pembayaran pelajaran. Jadi inilah keadaannya.

Saya tidak mengaku bila-bila masa juga, bahawa Kerajaan akan membantu sepenuhnya kepada tiap-tiap seorang pelajar di United Kingdom. Soal dari segi kita hendak memperluaskan bantuan ini ke Australia dan New Zealand atau tidak, seperti saya sebutkan di dalam jawapan saya, saya akan melawat kedua-dua negara ini; saya akan pastikan dahulu keadaan yang sebenar sebelum saya membuat apa-apa recommendation yang disyorkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

LAPANGANTERBANG IPOH

7. Tuan Lim Cho Hock minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa ramai menyaoal kesesuaian tapak yang dicadangkan untuk membina sebuah lapanganterbang yang baru di Parit untuk menggantikan Lapanganterbang Ipoh oleh kerana Parit terletak lebih daripada 10 batu dari Ipoh dan jalanraya menujuinya adalah tersangat sempit dan berbelok-belok yang mana kemungkinan lebih cepat sampai dengan menaiki kereta dari Ipoh ke Pulau Pinang daripada menaiki kapalterbang. Oleh yang demikian adakah Kerajaan akan menimbang lagi soal mengenai pembinaan sebuah lapanganterbang yang baru yang jauh sangat dari Bandar Ipoh padahal lapanganterbang yang ada boleh diperbesarkan dan diperbaiki, Landasan terbang boleh dilapangkan dan kemudahan pendaratan malam diadakan daripada membelanjakan berjuta-juta ringgit membina lapanganterbang yang baru?

Timbalan Menteri Pengangkutan (Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff): Tuan Yang di-Pertua, Lapanganterbang yang baru di Parit sebagai menggantikan Lapanganterbang di Ipoh adalah khabar angin sahaja dan tidak

benar sama sekali. Sebenarnya Kerajaan telah menawarkan tender kepada juruperunding untuk mengkaji sama ada Lapanganterbang Ipoh yang ada sekarang boleh dipanjangkan untuk pendaratan kapalterbang jenis B 737 pada waktu siang dan malam. Jika Lapanganterbang ini tidak sesuai, juruperunding diminta mencadangkan satu tapak lapangan yang sesuai.

Tuan Lim Cho Hock: Soalan tambahan, bilakah Kerajaan boleh membina kemudahan pendaratan malam supaya orang ramai boleh datang dan bertolak dari Ipoh pada waktu malam?

Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff: Pada masa ini Lapanganterbang Ipoh adalah dianggap belum lagi sesuai untuk penerbangan B. 737. Oleh sebab itu persediaan untuk mengadakan penerbangan malam akan disesuaikan dengan sama ada Lapanganterbang itu boleh atau tidak digunakan.

Tuan Shaari bin Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, Apa yang dijawab oleh Timbalan Menteri tadi Ipoh ada rancangan untuk diperbesarkan kalau mendapat persetujuan daripada juruperunding. Tidakkah ada rancangan yang sama untuk diadakan di Lapanganterbang Alor Setar, Kepala Batas?

Tuan Yang di-Pertua: Saya ingat hendak minta di Kangar atau di Arau tadi (*Ketawa*). Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri jawab.

Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff: Di Alor Setar sebenarnya rancangan itu memang akan ditimbangan.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Menteri mengatakan perkara perkembangan Lapanganterbang Ipoh terserah kepada juruperunding. Bolehkah Yang Berhormat memberitahu Dewan ini sama ada juruperunding itu telah memulakan tugasnya itu dan siapa dan berapa lama perkara ini akan diambil dan apakah terms of reference?

Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya tawaran telah ditawarkan pada 22-9-1979 dan akan ditutup pada 10-11-1979. Dengan sebab itu perlantikan itu belumlah dapat dibuat sehingga tawaran ini ditutup pada 10-11-1979.

IKLAN DI TV—KUTIPAN

8. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais minta Menteri Penerangan menyatakan jumlah hasil kutipan daripada iklan-iklan dalam TV mulai tahun 1976 hingga 1978.

Timbalan Menteri Penerangan (Dr Ling Liong Sik): Tuan Yang di-Pertua, jumlah hasil kutipan dari siaran iklan-iklan di TV dalam tahun-tahun berkenaan adalah seperti berikut:

1976	\$15.9 juta
1977	\$19.1 juta
1978	\$21.4 juta

Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais: Apakah yang dibuat atau digunakan dari hasil kutipan menayangkan iklan-iklan di TV itu?

Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang di-Pertua, hasil kutipan itu masuk terus kepada Treasury kita. (*Ketawa*)

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohamed Yassin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah menjadi dasar Kementerian Penerangan untuk menambahkan hasil RTM melalui iklan-iklan, dan jika tidak, berapa peratuskah daripada masa-masa yang digunakan untuk siaran itu digunakan untuk iklan?

Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya peruntukan kewangan bukanlah menjadi matlamat utama Kementerian Penerangan. Tujuan Kementerian Penerangan dalam menyiarkan iklan-iklan di TV dan radio ialah untuk mengwujudkan permintaan pengguna (consumers' demand) terhadap barang-barang keluaran Malaysia bagi membantu menggalakkan pertumbuhan dan perkembangan perdagangan dan perindustrian negara.

Tuan Yang di-Pertua: Termasuk "Teh Lipton"! (*Ketawa*)

Tuan Au How Cheong: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya berapakah banyak hasil di dapati daripada iklan-iklan rokok?

Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang di-Pertua, saya hendakkan notis.

Tuan Chan Teck Chan: Memandangkan Kementerian telah mendapat banyak hasil daripada advertisement di TV itu maka adakah Kementerian mencadang untuk menimbangkan dan membatalkan bayaran lesen TV supaya penduduk di luar bandar boleh menikmati tayangan TV sebagai cara pelajaran?

Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kutipan daripada iklan-iklan walaupun daripada radio atau TV hanya menjadikan agaknya 25% sahaja jika berbanding dengan perbelanjaan Kementerian Penerangan.

Tuan Mohamed Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada beliau sedar bahawa jika dibandingkan dengan lain-lain negara di rantau ini masa untuk iklan di TV kita adalah terlampau sedikit. Jadi saya ingin bertanya sama ada beliau bercadang untuk menambahkan lagi masa iklan di dalam TV kita dan pendapatan daripada jumlah ini bolehlah digunakan bagi menayangkan filem-filem yang lebih bermutu lagi dalam TV kita.

Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang di-Pertua, itu benar iaitu masa siaran untuk iklan-iklan di TV Malaysia adalah kurang jika dibanding dengan stesyen-stesyen lain di rantau ini. Tetapi pada setakat ini dan daripada tinjauan-tinjauan yang telah dibuat walaupun daripada SRM dan lain-lain kita berpendapat iaitu kebanyakan orang yang ada di negara kita puashati dengan siaran-siaran yang telah dibuat. Walau bagaimanapun kita telah menubuhkan satu Jawatankuasa Penilaian untuk mengkaji dari masa ke semasa untuk memperbaiki lagi apa yang kita ada sekarang.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di dalam iklan-iklan yang disiarkan menerusi TV Malaysia terdapat iklan-iklan yang menggalakkan atau yang mengandungi unsur-unsur seks dan juga iklan-iklan yang mengada-ngada lebih daripada kualiti barangan yang ini menyebabkan bahawa pengguna-pengguna kadang-kadang tidak mendapat kualiti barang-barang seperti mana yang diiklankan. Jadi di dalam kajian Kementerian yang berkenaan adakah dengan mengadakan iklan-iklan seperti ini dengan

membenarkan iklan-iklan yang lebih sesuai, adakah itu akan mengurangkan bayaran kalau sekiranya Kementerian berkenaan sudah buat kajian? Dan sekiranya belum buat kajian, adakah Kementerian berkenaan akan membuat kajian sekadar manakah jika iklan-iklan yang disiarkan menerusi TV itu diperbaiki supaya lebih tegasan moral dan juga lebih tepat? Adakah Kementerian akan membuat kajian-kajian seperti itu?

Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat tadi hanya membuat satu cadangan umum atau satu tuduhan umum. Saya hendak tahu adakah satu contoh yang sexy sangat?

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Ertinya, katalah dari segi sabun Lux misalnya (*Ketawa*). Kalau tidak sesuai dengan mutu yang dikatakan kalau sapu misalnya anda bertambah cantik, tetapi adakah bertambah cantik kalau digunakan itu? Ini mengelirukan pengguna-pengguna dan banyak contoh-contoh yang saya boleh beri dan barangkali Timbalan Menteri berkenaan lebih tahu dan lebih pengalaman daripada saya.

Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang di-Pertua, jikalau Lux soap boleh mencantikkan seseorang perempuan itu bukan sexy sahaja.

Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah artis-artis tempatan yang berlakun di TV dibayar elaun dengan mencukupi dari kutipan iklan-iklan tersebut?

Tuan Yang di-Pertua: Itu soal lain sama sekali.

SEKIM PAMPASAN KEMALANGAN JALANRAYA

9. Tuan Karpal Singh minta Menteri Undang-undang menyatakan sebab-sebab Kerajaan telah melambatkan pelaksanaan sekim "no-fault liability" dalam kes-kes keselamatan motor, sepertimana dilaksanakan di New Zealand dan adakah Kerajaan sebenarnya bercadang menerima sekim tersebut yang diamalkan di New Zealand; sama ada Kerajaan sedar tentang kesulitan yang dihadapi oleh mangsa-mangsa kemalangan dan keperluan untuk melaksanakan dengan segera

"no-fault liability" supaya mangsa-mangsa kemalangan dapat dilindungi daripada dieksploitkan oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab.

Timbalan Menteri Undang-undang (Dato' Abdullah bin Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, soal mengadakan sekim pampasan kemalangan jalanraya atau prinsip "no-fault" masih lagi sedang dikaji dengan teliti. Sekim tersebut amat besar akibat dan penglibatannya dari segi kewangan, undang-undang, pentadbiran dan kepentingan rakyat; dan dalam perkara yang sebegini penting, sesuatu keputusan itu tidaklah wajar dibuat dengan tergesa-gesa. Soal utama yang perlu diputuskan ialah sama ada prinsip-prinsip sekim itu dapat dilaksanakan dengan jayanya tanpa menambahkan kewangan negara dan rakyat. Sekim New Zealand itu ialah sekim baru yang telah berjalan hanya selama kira-kira lima tahun sahaja. Maka adalah perlu kita memerhatikan perkembangan sekim itu dengan secukupnya untuk menentukan apakah buruk baiknya sekim itu apabila ianya dilaksanakan, walaupun ini terpaksa memakan masa sedikit. Perlu diingatkan sekiranya terdapat kelemahan-kelemahan yang tidak terduga pada mulanya, adalah amat sukar hendak berbalik semula kepada keadaan asal setelah sekim itu dilancarkan.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu mengapa Kerajaan mengambil masa yang begitu lama untuk mengkaji masalah ini oleh kerana perkara ini telah ditimbulkan lebih kurang kalau tidak salah saya 2½ tahun yang lepas dan pada masa itu Yang Berhormat Menteri ada mengatakan bahawa sekim ini sedang dikaji?

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya katakan sekejap tadi sekim ini adalah satu sekim yang besar yang melibatkan seluruh negara dan rakyat, juga melibatkan kewangan yang besar dan kepentingan pembayar-pembayar hasil ataupun cukai. Maka adalah wajar kita mengambil masa sedikit lagi untuk menentukan baik buruknya sekim ini yang sekarang sedang berjalan di New Zealand.

JALANRAYA SLIM RIVER—TANJONG MALIM—PEMBINAAN

10. Tuan Seow Hun Khim minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan harga perbelanjaan pembinaan jalanraya di antara Slim River dan Tanjong Malim; jumlah tol yang telah dikutip sehingga 31-6-1979 dan sama ada beliau akan membatalkan pengutipan tol di jalanraya itu.

Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dr Nik Hussein bin Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, harga perbelanjaan membina jalanraya di antara Slim River ke Tanjong Malim adalah sebanyak \$5,443,809. Jalanraya ini ialah satu daripada beberapa batang jalanraya-jalanraya yang dilaksanakan bagi memperkemaskan dan memperbaiki lagi kemudahan-kemudahan yang sedia ada selain daripada pembinaan rangkaian-rangkaian baru untuk memenuhi keperluan sosial dan ekonomi dan keperluan lalu-lintas yang sedang bertambah.

Bagi makluman Ahli Yang Berhormat, \$1.01 ribu juta perlu dibelanjakan dalam masa tujuh tahun untuk tujuan ini. Bagi membolehkan pembinaan jalanraya-jalanraya yang memakan belanja begitu banyak adalah perlu bagi Kerajaan mendapatkan sumber-sumber pembiayaan yang lain selain daripada peruntukan pembangunan dan Kerajaan berpendapat tol adalah satu sumber yang menasabah dan berkaitan bagi membiayai pembinaan-pembinaan jalanraya-jalanraya. Oleh yang demikian, Kerajaan tidak bercadang hendak menghentikan kutipan tol di Slim River itu.

Dalam pada itu mereka yang berpendapatan rendah yang mengguna motosikal dikendalikan pembayaran tol ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat kutipan tol di Rumah Tol Slim River sehingga akhir bulan Jun 1979 ialah sebanyak \$18,705,203.68 sen.

Tuan Au How Cheong: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Memandangkan terdapat ramai penduduk yang menduduki sekeliling bandar Slim River itu saya ingin hendak bertanya sama ada Kerajaan akan memberi pertimbangan supaya mengeluarkan pas bulanan ataupun bayaran bulan bagi mereka yang melalui tol itu beberapa kali tiap-tiap hari.

Dr Nik Hussein bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, ini akan dipertimbangkan.

TARAF PEMASTAUTIN TETAP

11. Tuan Peter Paul Dason minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan jumlah bilangan orang-orang yang telah memohon untuk mendapatkan taraf pemastautin tetap dan bilangan permohonan yang diluluskan; sama ada beliau sedar orang-orang asing yang bernikah dengan rakyat Malaysia menghadapi kesulitan untuk mendapatkan taraf pemastautin tetap sehingga beberapa daripada mereka terpaksa balik ke negara-negara asal mereka apabila pas lawatan mereka luput.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, soal ini saya nampak sangat umum daripada Yang Berhormat dari Bukit Bendera kerana dia tidak menentukan masa atau ketika yang dikehendaki bilangan-bilangan ini, jadi sukar saya hendak menjawab.

Ya, saya memang sedar atas kesulitan warganegara Malaysia yang berkahwin dengan warganegara asing tetapi malangnya tidak ada peruntukan di dalam undang-undang yang mengizinkan seseorang itu mendapat taraf pemastautin dengan alasan hanya dia berkahwin dengan warganegara Malaysia melainkan mereka yang tertakluk di bawah Jadual D Ordinan Imigresen 59/63.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Adakah benar beberapa bulan ini masalah pemohon untuk mendapatkan taraf tetap yang mana mereka berkahwin dengan seorang warganegara Malaysia menjadi satu masalah yang besar oleh kerana mengikut satu angka yang diberikan ada 150 ribu permohonan yang menunggu untuk diproses? Dan bolehkah Yang Berhormat Menteri mengesahkan perkara ini dan kalau tidak benar apa keadaan dan kenapa baru-baru ini muncul perkara yang begitu rumit, begitu susah, dan

Tuan Yang di-Pertua: Sudah cukuplah soalan tambahan kerana tidak ada masa . . .

Tuan Lim Kit Siang: Dari segi perikemanusiaan hak keluarga bukannya Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri mesti memproses permohonan-permohonan lebih cepat.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, soal permohonan orang yang berkahwin ini tadi saya sudah katakan tidak ada peruntukan di dalam undang-undang. Yang menjadi sebok itu sebab ramai: seperti baru-baru ini, ramai yang hendak kahwin dua, jadi sebok.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 12 hingga 16 adalah diberi di bawah ini).

CAWANGAN KOLEJ TUNKU ABDUL RAHMAN

12. Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar bahawa M.C.A. sedang merancang menubuhkan cawangan Kolej Tunku Abdul Rahman (KTAR) di Utara Semenanjung Malaysia, jika ya, apakah dasar dan pendirian Kementerian mengenai cadangan tersebut.

Dato' Musa bin Hitam: Setakat ini, Kementerian saya belum dapat apa-apa permohonan menubuhkan mana-mana cawangan Kolej Tunku Abdul Rahman.

KAD PENGENALAN MERAH

13. Tuan Ting Chek Ming minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan berapakah ramai orang dalam negeri ini yang memegang kad pengenalan merah dan berapa bilangan permohonan bagi kad pengenalan biru telah diluluskan semenjak 1hb Januari 1979 dan bilangan permohonan bagi kad pengenalan biru yang masih menunggu keputusan dan sama ada beliau sedar bahawa kebanyakan permohonan bagi kad pengenalan biru telah menunggu keputusan selama satu (1) tahun dan jika demikian beri sebab-sebab mengapa permohonan ini mesti menunggu begitu lama.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Untuk menjawab soalan-soalan Ahli Yang Berhormat itu, saya pecahkan jawapan-jawapannya seperti berikut:

- (a) Bilangan pemegang kad pengenalan merah di negara ini pada 31hb Ogos 1979 adalah seramai 270,360 orang.

- (b) Sebanyak 220,696 permohonan bagi kad pengenalan biru telah diluluskan sejak 1hb Januari 1979 hingga 31hb Ogos 1979.

- (c) Kementerian ini tidak dapat menyatakan bilangan permohonan kad pengenalan biru yang masih menunggu keputusan kerana permohonan-permohonan yang diterima tidak diasingkan mengikut jenis-jenisnya. Walau bagaimanapun, jumlah kad yang sedang diproses untuk pengeluaran pada 31-8-1979 adalah sebanyak 208,392. Jumlah ini meliputi permohonan mengganti kad yang telah hilang, yang rosak dan permohonan daripada kanak-kanak yang mencapai umur 12 tahun.

- (d) Adalah tidak benar dakwaan Ahli Yang Berhormat yang mengatakan kebanyakan permohonan bagi kad pengenalan biru mengambil masa setahun kerana pengeluaran kad-kad biru sebagai gantian kepada yang telah hilang atau rosak hanya memakan masa 9 bulan, kecuali kad gantian yang mana bukti dan kenyataannya tidak jelas. Jabatan Pendaftaran Negara meneliti dengan rapi segala permohonan bagi kad-kad gantian. Bagi pengeluaran kad-kad biru kepada pemohon yang mencapai umur 12 tahun hanya mengambil masa 3 bulan sahaja.

PERKHIDMATAN ISTIMEWA PANGGILAN SEBERANG LAUT— SINDIKET

14. Datuk Stephen Robert Evans minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada benar bahawa terdapat satu sindiket yang diuruskan oleh peniaga-peniaga besar, tuannya-tuannya kelab malam dan "call-girls" masyarakat atasan memberi wang yang lumayan kepada setengah kakitangan Jabatan Telekom kerana perkhidmatan istimewa yang diberikan kepada sindiket ini dan apabila anggota-anggota sindiket ini hendak membuat panggilan jauh dan seberang laut mereka hanya memutarakan satu nombor rahsia yang diberikan oleh Jabatan Telekom dan ahli-ahli sindiket yang membuat panggilan seberang laut itu akan diberi keutamaan secara automatik kerana wang yang banyak dibayar oleh sindiket itu kepada kakitangan Jabatan Telekom yang terlibat dengan pertubuhan ini dan jika ya, apakah tindakan yang akan diambil oleh

Kementerian ini untuk menghapuskan sindiket ini, dan juga mereka yang terlibat memandangkan kehilangan hasil yang banyak di pihak Kerajaan.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Leo Moggie anak Irok): Saya tidak sedar tentang adanya satu sindiket yang bergiat untuk mendapatkan perkhidmatan istimewa dari Jabatan Telekom dengan membayar bayaran yang tinggi kepada setengah-setengah kakitangan Jabatan Telekom. Jika Yang Berhormat mempunyai maklumat yang konkrit mengenai kegiatan tersebut, maka sukacitalah saya memohon agar Yang Berhormat itu memberitahu maklumat-maklumat tersebut kepada Kementerian kami atau kepada Pihak Polis supaya siasatan seperlunya dapat diambil.

BIASISWA BAGI PELAJARAN TINGGI

15. Dr Tan Tiong Hong minta Perdana Menteri menyatakan berapa banyak biasiswa telah diberi kepada rakyat Malaysia bagi pelajaran tinggi sejak tahun 1974 dan juga beri bilangan mengikut kaum.

Menteri Tak Berpotfolio (Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf): Biasiswa Kerajaan yang diberi kepada penuntut-penuntut untuk melanjutkan pelajaran mereka ke peringkat universiti adalah satu langkah untuk melaksanakan Dasar Ekonomi Baru. Oleh itu, biasiswa ini adalah diberi di dalam konteks peluang-peluang anak negeri mencapai kelulusan di dalam beberapa bidang pelajaran, terutama sekali bidang sains dan teknologi.

Sejak tahun 1974 sebanyak 9,743 biasiswa / dermasiswa telah diberi oleh Kerajaan Persekutuan bagi membiayai penuntut-penuntut di peringkat universiti di dalam dan di luar negeri iaitu seperti berikut:

Tahun	Bumiputra	Bukan Bumiputra	Jumlah
1974/75 ...	1,529	163	1,692
1975/76 ...	1,860	146	2,006
1976/77 ...	1,646	157	1,803
1977/78 ...	1,654	160	1,814
1978/79 ...	2,220	208	2,428
	<u>8,909</u>	<u>834</u>	<u>9,743</u>

PROJEK PEMBANGUNAN

16. Tuan P. Patto minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan mempunyai keupayaan untuk melaksanakan semua projek-projek pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga; jika tidak, apakah langkah-langkah yang sedang diambil untuk menentukan semua projek-projek pembangunan yang dirancang akan dilaksanakan.

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Pada masa ini Kerajaan mempunyai keupayaan yang memuaskan untuk melaksanakan projek-projek pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga (RMT). Di samping itu pula, sistem pelaksanaan adalah sentiasa dikaji dari masa ke semasa bagi memastikan keupayaan pelaksanaan adalah mencukupi bagi melaksanakan projek-projek tersebut berdasarkan belanjawan tahunan yang diluluskan oleh Parlimen.

Terdapat juga kaedah jangka pendek dan jangka panjang yang telah dirancang oleh Kerajaan bagi menambah keupayaan pelaksanaan Kerajaan. Antaranya adalah seperti berikut;

- (a) Menambahkan keupayaan dan kecekapan operasi Kerajaan dengan mengubahsuaikan prosidur-prosidur yang diamalkan dalam pentadbiran bagi memperbaiki mutu dan proses aliran kerja untuk menambahkan daya pengeluaran kakitangan. Langkah ini adalah bagi memastikan prosidur-prosidur ini tidak menghalang ke arah menyalurkan perkhidmatan dan kemudahan-kemudahan kepada rakyat.
- (b) Menambahkan keupayaan tenaga kerja di dalam Jabatan-jabatan Kerajaan dan agensi-agensi pelaksanaan yang penting dan memastikan bahawa pengagihan tenaga kerja yang sesuai di dalam Jabatan-jabatan /agensi yang terlibat dalam pelaksanaan projek di peringkat Persekutuan dan Negeri.
- (c) Dengan mengujudkan satu sistem penerangan tenaga kerja secara kawalan komputer di mana keperluan tenaga kerja oleh Jabatan-jabatan tersebut dapat ditentukan berdasarkan keperluan dan penawaran yang ada.
- (d) Dengan mengujudkan dan melaksanakan satu program pembangunan guna tenaga yang menyeluruh supaya kemahiran individu dapat ditambah dan diperkukuhkan untuk melaksanakan dasar-dasar dan projek-projek Kerajaan.

Kerajaan sentiasa berusaha bagi memastikan bahawa kemudahan-kemudahan dan perkhidmatan akan disebarikan dengan saksama seperti yang dijanjikan dan faedah-faedah yang dirancang kepada rakyat keseluruhannya dapat dinikmati.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG PENCEN

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi membuat peruntukan mengenai pentadbiran pencen, ganjaran dan lain-lain faedah bagi pegawai-pegawai dalam perkhidmatan awam dan juga tanggungan mereka; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Tak Bertopfolio; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG TAMAN NEGARA

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi mengadakan peruntukan mengenai penubuhan dan pengawalan Taman Negara dan mengenai perkara-perkara berkaitan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

USUL UNTUK MENGEMUKAKAN RANG UNDANG-UNDANG AHLI PERSENDIRIAN

AKTA KAWALAN SEWA (PINDAAN) 1979

3.36 ptg.

Tuan Chan Teck Chan (Kota Melaka):
Tuan Speaker, saya bangun untuk mencadangkan:

“Bahawa Dewan ini menurut peraturan mesyuarat 49 (1) mengizinkan Y.B. Tuan Chan Teck Chan mengemukakan satu Rang Undang-undang dari Ahli Persendirian yang bernama Akta Kawalan Sewa

(Pindaan) 1979 untuk meminda Akta Kawalan Sewa 1966 bagi memperuntukkan:

- (a) bahawa premis-premis yang dibina pada tarikh selepas Januari 1948 ini adalah bertakluk di bawah penguatkuasaan Akta ini dan semua premis ini adalah dianggap sebagai premis terkawal;
- (b) bahawa kadar sewa yang adil bagi premis-premis yang terkawal ini perlulah ditetapkan di setiap kawasan;
- (c) bahawa Tribunal Sewa hendaklah ditubuhkan di setiap negeri untuk menyelesaikan segala pertikaian yang berkaitan dengan sewa premis-premis yang terkawal.”

Tuan Speaker, sungguhpun Malaysia telah mempunyai sebuah Akta yang ditujukan untuk melindungi golongan penyewa di bawah Akta Kawalan Sewa 1966 ini, tapi sekop dan efeknya hanya melindungi penyewa-penyewa yang tinggal di premis-premis yang dibina pada tarikh sebelum Januari, 1948, tetapi majoriti penyewa, khususnya golongan penyewa yang berpendapatan rendah dan miskin langsung tidak diberikan apa-apa perlindungan undang-undang oleh pihak Kerajaan selama ini.

Disebabkan kelemahan atau “loop-hole” Akta tersebut, maka kes-kes penyewa yang dikejar, dihalau atau ditindas dan ditekan ini selalu menjadi-jadi di seluruh negara kita, khasnya penyewa-penyewa yang miskin dan tinggal di premis-premis yang dibina selepas Januari 1948. Saya pernah melaporkan kes-kes penindasan ini kepada Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, dan juga kes-kes ini pernah diperbincangkan dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri Perumahan pada bulan Mac, 1979 ini, tetapi nampaknya Kerajaan tidak boleh berbuat apa-apa kerana Kementerian Perumahan tidak diberikan kuasa untuk menyelesaikan masalah yang serious dan bertambah rumit baru-baru ini.

Bolehkah Kerajaan atau Kementerian Perumahan hanya mendiamkan diri atau bersikap dingin terhadap jeritan dan penderitaan golongan penyewa yang majoritinya terdiri daripada golongan yang miskin, berpendapatan rendah dan tidak berumah?

Baik dari segi tanggungjawab masyarakat, moral ataupun peri kemanusiaan ataupun dari segi matlamat Dasar Ekonomi Baru, maka Kerajaan adalah bertanggungjawab sepenuhnya untuk melindungi majoriti penyewa rumah yang tinggal di premis-premis yang tidak terkawal ini supaya kehidupan sosial ekonominya tidak dijejaskan oleh segelintir tuan-tuan punya rumah yang tamak haloba dan tidak bertanggungjawab sosial.

Kes Jalan Kee Ann di negeri Melaka adalah merupakan satu kes yang tipikal untuk memperlihatkan betapa seriusnya keadaan serupa ini yang telah berkembang di negara kita. Kes ini terlibat walaupun 43 buah kedai, stall dan rumah tetapi penyewa-penyewa telah dipaksa untuk membayar sewa yang berlipatganda, umpamanya dari \$200 sebulan ke \$600 sebulan. Kalau pihak penyewa tidak bersetuju dengan perjanjian itu maka kadar sewa dari \$200 ini akan dinaikkan \$1,200 sebulan. Ini adalah merupakan satu kes yang sangat serius yang berlaku di Melaka khasnya dan di seluruh Malaysia amnya yang kita selalu menerima aduan daripada orang ramai. Inilah nasib dan keadaan golongan penyewa rumah yang tinggal di premis-premis yang tidak terkawal. Ini nampaknya adalah merupakan satu masalah masyarakat yang serius dan jika tidak dicegah dan diperbaiki, ianya akan membawa-kan suatu consequence kekecuaan sosial di Malaysia pada satu masa yang akan datang.

Memang segala pertikaian ini

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, di bawah Peraturan 49(1) hanya perkara-perkara besar tujuan hendak mengadakan Rang Undang Persendirian ini dan perkara-perkara besar sahaja disebutkan, tak usah detail. Ini belum lagi jadi Rang Undang-undang.

Tuan Chan Teck Chan: Pendek sahaja lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Teruskan!

Tuan Chan Teck Chan: Memang perkara ini bolehlah dirujuk kepada mahkamah untuk pengadilan tetapi berapakah orang penyewa yang miskin boleh sanggup mengambil penguambelanya untuk memperjuangkan nasib mereka di mahkamah. Ini bukanlah satu cara yang baik untuk mengatasi

masalah yang dihadapi oleh golongan penyewa yang tinggal di rumah tidak terkawal.

Akhirnya saya perlu menegaskan bahawa Kerajaan adalah bertanggungjawab serta-merta untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh rakyat yang tidak berumah dan menyewa rumah-rumah yang tidak terkawal itu, juga saya perlu menyebutkan di sini ialah sungguhpun Kerajaan telah menubuhkan sebuah Jawatankuasa yang diketuai oleh Dr Ling Leong Sik untuk meninjau dan mengkaji semula Akta Kawalan Sewa, tetapi apakah keputusan dan hasil dari Jawatankuasa ini selama 3½ tahun? Saya sungguh merasa syak wasangka bahawa laporan ini akan merekomen untuk meminda Akta itu dengan memperluaskan lagi perlindungannya terhadap golongan penyewa yang saya sebutkan tadi. Saya memang sedar bahawa ada pihak-pihak yang tertentu mendesak Kerajaan mahu memansuhkan Akta ini, tetapi bolehkah ianya dibatalkan di bawah suatu keadaan di mana Malaysia masih sangat seriusnya menghadapi masalah kekurangan rumah untuk menampung golongan yang miskin dan tidak berumah, apa lagi keadaan kemiskinan negara kita masih belum lagi diatasi?

Tuan Yang di-Pertua, DAP tidaklah dapat menerima cadangan yang dicadangkan oleh golongan yang tertentu. Memandangkan keseluruhan masalah-masalah yang saya sebutkan tadi serta berasaskan pada kepentingan dan keselamatan kehidupan sosial majority penyewa-penyewa yang tinggal di premis-premis yang tidak terkawal ini, saya mencadangkan supaya Akta ini boleh dipinda dan disokong oleh semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang ada dalam Dewan ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

3.40 ptg.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Haji Ramli bin Omar): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan menolak usul yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka itu oleh kerana Kerajaan adalah sedar bahawa terdapat masalah-masalah dan kerumitan-kerumitan bagi menimbang dan menyelesaikan pandangan-pandangan yang telah dikemukakan oleh tuan-tuan punya rumah

(landlords) dan penyewa-penyewa (tenants). Namun demikian, sebagaimana sedia maklum bahawa Kerajaan telahpun melantik sebuah Jawatankuasa untuk mengkaji Akta Kawalan Sewa 1966. Laporan Jawatankuasa telahpun siap dan dalam kajian Kerajaan. Implikasinya sangatlah luas maka Kerajaan perlu mengkaji dengan teliti laporan ini dengan tujuan untuk mewujudkan satu penyelesaian yang saksama (compromise solution) yang boleh diterima oleh kedua-dua pihak.

Dengan alasan-alasan ini, Tuan Yang di-Pertua, maka usul yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat itu tidak boleh diterima oleh pihak Kerajaan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan tidak disetujui.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PEMBERIAN PERTAMBAHAN HASIL (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (11hb Oktober, 1979).

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, waktu Dewan ini ditangguhkan petang semalam, Ahli Yang Berhormat dari Menglembu baharu memulakan ucapannya. Sekarang saya jemput Yang Berhormat meneruskan ucapannya.

3.42 ptg.

Tuan P. Patto (Menglembu): Tuan Yang di-Pertua, semalam saya ada menyentuh tentang keupayaan untuk melaksanakan rancangan-rancangan atau projek-projek (implementation capacity). Tuan Yang di-Pertua, keupayaan untuk melaksanakan satu-satu projek adalah lebih mustahak daripada niat untuk melaksanakan projek itu. Wang rakyat yang dibelanjakan untuk rancangan-rancangan pembangunan (development projects) hanya akan membazirkan jika sekiranya terdapat Kerajaan-kerajaan Negeri yang tidak mempunyai keupayaan untuk melaksanakan rancangan-rancangan yang dicadangkan itu.

Tuan Yang di-Pertua, faktor yang kedua yang penting ialah penyeliaan yang strict oleh Kerajaan Pusat atas pelaksanaan projek-projek yang mana pemberian pertambahan (growth grant) telah dibuat untuk menentukan bahawa Kerajaan-kerajaan Negeri dengan seriusnya patuh kepada prinsip accountability. Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi tugas dan tanggungjawab Kerajaan Pusat untuk merunding dengan National Finance Council yang ditubuhkan di bawah Fasal 108 di dalam Perlembagaan Persekutuan atas perkara-perkara mengenai, dengan izin, Tuan Speaker

Tuan Yang di-Pertua: Diizinkan.

Tuan P. Patto: (*Dengan izin*) "Financial and accounting procedure including procedure for the collection, custody and payment of the public money of the Federation and of the State and the purchase, custody and disposal of public property other than land of the Federation and of the State.

7. (g) Audit and accounts of the Federation and of the State and other public authorities."

Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi tugas dan tanggungjawab Kerajaan pusat untuk menentukan dan memastikan bahawa pemberian pertambahan (growth grant) yang yang diberi kepada mana-mana satu negeri adalah diodit dan diaccounted for dengan memuaskan dan dengan cara yang baik oleh negeri yang menerima growth grant itu.

Kerajaan Pusat hendaklah memperuntukkan satu jentera yang lebih berkesan untuk mengawal dan menyelia perbelanjaan yang dibuat daripada pemberian-pemberian ini.

Tuan Speaker, sebelum Kerajaan Pusat memutuskan untuk membahagikan pemberian pertambahan kepada mana-mana negeri, ia hendaklah memastikan bahawa pemberian pertambahan yang telah diberi pada masa-masa yang lampau kepada negeri-negeri ini telahpun (*dengan izin*) properly audited and accounted for. Kalau ini tidak dapat dipastikan maka tidaklah berguna untuk Kerajaan Pusat mencurahkan berjuta-juta ringgit dalam satu-satu negeri di mana pentadbirannya tidak mempunyai keupayaan accounting atas perbelanjaannya.

Tuan Speaker, seksyen 4A baru di dalam Akta Pemberian Pertambahan Hasil 1977, di dalam seksyen baru ini ada peruntukan bagi pemberian kepada satu-satu negeri di mana pemberian ini hendaklah digunakan bagi satu ataupun ke semua maksud-maksud pembangunan yang khusus (specific) seperti berikut:

- (a) bekalan air;
- (b) perumahan awam;
- (c) kemajuan tanah Perusahaan;
- (d) kerja-kerja kecil; dan
- (e) apa-apa projek pembangunan lain sebagaimana yang ditetapkan dari semasa ke semasa oleh Majlis Kewangan Negara yang ditubuhkan di bawah Perkara 108, Perlembagaan Persekutuan.

Tuan Speaker, menurut banci perumahan 1970 yang ada hari ini, tidak ada banci yang dibuat selepas itu dan kita diberitahu bahawa akan dibuat pada tahun hadapan. Kalau kita berpandu kepada housing census 1970, ia memberi satu gambaran yang terang tentang pencapaian oleh Kerajaan pada ketika itu selepas 13 tahun merdeka. Menurut census itu 52.5% daripada rumah-rumah di dalam Semenanjung Malaysia tidak mempunyai air paip (pipe-water) dan elektrik dan 56.3% tidak mempunyai elektrik langsung. Keadaan ini mungkin tidak bertambah baik kalau sekiranya kita banding dengan teriakan-teriakan yang dibuat oleh orang-orang awam tentang air paip dan juga bekalan elektrik, khususnya di kawasan-kawasan luar bandar. Kalau sekiranya di dalam masa 10 tahun yang lampau pihak Kerajaan ada response secara positive kepada desakan-desakan yang dibuat oleh orang ramai maka saya rasa tidaklah perlu bagi Kerajaan untuk membenteng atau mengemukakan satu seksi yang baru di bawah Akta Pemberian Pertambahan Hasil 1977 di mana satu peruntukan yang tidak melebihi \$50 juta boleh ditetapkan oleh Menteri Kewangan bagi penggunaan kelima-lima maksud tersebut di atas.

Tuan Speaker, akibat daripada ketidakbolehan Kerajaan untuk memperuntuk atau membekalkan air paip kepada semua kawasan maka kita masih mendengar rakyat di luar bandar yang masih menggunakan air perigi dan air daripada sungai untuk maksud minum, masak dan basuh. Selepas

22 tahun merdeka masih lagi kita diancam oleh wabak taun, wabak kepialu (typhoid) dan wabak-wabak ini mengancam dengan serius rakyat negara ini, khususnya di luar bandar. Setiap tahun rakyat Malaysia dihidapi oleh wabak ini di beberapa tempat di negara kita. Apakah selepas 22 tahun merdeka ataupun hampir suku abad (century) masih terdapat di negara kita yang dikatakan sudah maju dalam beberapa bidang, termasuk kesihatan tetapi kita masih dapati wabak-wabak ini mengancam rakyat di negara kita. Baru-baru ini terdapat satu outbreak wabak kepialu (typhoid) di Negeri Perak di daerah Batang Padang di mana 48 kes telahpun didapati mengidap penyakit kepialu dan 36 disyaki mendapat penyakit ini. Kita dapati bahawa air adalah salah satu punca besar yang menyebabkan peredaran wabak taun dan kepialu. Oleh yang demikian, outbreak wabak-wabak yang serius seumpama ini telah wujud di negara kita kerana kegagalan Kerajaan untuk menunaikan hasrat-hasrat dan kehendak-kehendak rakyat.

Tuan Speaker, saya rasa dalam hal ini pihak Kerajaan hendaklah bertanggungjawab penuh kerana keadaan ini. Sudahlah sampai masanya bagi pihak Kerajaan menumpukan (concentrate) segala tenaganya untuk membuat peruntukan bagi menunaikan hendak-kehendak yang basic bagi rakyatnya di negara ini.

Tuan Speaker, tentang perumahan awam Kerajaan juga telah gagal untuk mengatasi keperluan perumahan di seluruh negara walaupun Kerajaan telah membelanjakan berjuta-juta ringgit setiap tahun untuk memperuntukkan rumah, khususnya bagi mereka yang ada dalam golongan berpendapatan rendah.

Tuan Speaker, Rancangan Malaysia Ketiga dengan terang sekali menyatakan bahawa Kerajaan akan memberi keutamaan (priority) kepada golongan-golongan yang berpendapatan rendah dalam hal pembinaan rumah (public housing) dan juga Rancangan Malaysia Ketiga telah menetapkan bahawa rumah-rumah yang akan dibina bagi golongan berpendapatan rendah adalah berharga di antara \$5,000 hingga \$7,000 seunit. Ini adalah terang dan nyata dalam Perenggan 1,119 dalam Rancangan Malaysia Ketiga, tetapi sehingga hari ini Kerajaan gagal

untuk memperuntukkan atau membina rumah-rumah yang berharga \$5,000 hingga \$7,000 seyunit.

Tuan Speaker, dalam soal perumahan awam, Kerajaan Pusat hendaklah awasi oleh kerana apabila peruntukan ataupun pemberian-pemberian tambahan ini dibuat ia mesti memandang berat terhadap agensi-agensi Kerajaan yang menggunakan wang rakyat untuk membina rumah. Kita terdapat di beberapa buah negeri di mana agensi-agensi Kerajaan baik di peringkat Negeri mahupun di peringkat Pusat dan di peringkat Negeri terdapat agensi seperti Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (State Economic Development Corporations) dan di Negeri Perak terdapat SEDC yang membina rumah untuk rakyat, tetapi keutamaan pembinaan rumah untuk rakyat ini nampaknya diberi kepada golongan yang bukan berpendapatan rendah.

Oleh kerana terdapat rumah-rumah yang dibina oleh SEDC Negeri Perak ialah dalam lingkungan \$50,000 hingga \$70,000 dan ada yang lebih daripadanya, nampaknya satu perbadanan yang ditugaskan untuk membina rumah bagi orang-orang yang miskin dan yang berpendapatan rendah tidak membina rumah lagi golongan ini tetapi ia membina rumah dengan maksud untuk mencari keuntungan. Jadi tujuan untuk menyediakan rumah untuk rakyat miskin dan golongan berpendapatan rendah sudah pun ditewaskan (defeated). Di sinilah Kerajaan Pusat hendak berjaga-jaga apabila memberi pemberian pertambahan ini bagi maksud public housing.

Dalam soal ini juga saya percaya Kerajaan sedar bahawa penghijrahan rakyat dari luar bandar ke bandar telah menimbulkan masalah perumahan di kawasan-kawasan bandar. Masalah perumahan di kawasan-kawasan bandar adalah lebih besar, lebih rumit daripada masalah perumahan di luar bandar oleh kerana penghijrahan rakyat luar bandar ke bandar untuk mencari kerja dan sebagainya. Dalam keadaan ini bandar-bandar yang ada di seluruh negara menghadapi masalah perumahan dan Kerajaan-kerajaan Negeri dan juga perbadanan-perbadanan (authority) lain yang melibatkan diri dalam pembinaan rumah tidak dapat membina rumah yang cukup bagi rakyat yang berpendapatan rendah dan miskin khususnya mereka yang datang daripada luar bandar. Jadi dalam

soal ini Kerajaan Pusat hendaklah menimbang untuk memberi priority kepada kawasan-kawasan bandar demi kepentingan rakyat miskin dan yang berpendapatan rendah yang wujud di bandar dan yang datang daripada luar bandar untuk membina rumah-rumah yang benar-benar murah yang dapat dibeli dan dimiliki oleh rakyat yang miskin yang tinggal di bandar.

Kalau sekiranya Kerajaan tidak dapat menyediakan rumah bagi rakyat miskin dan berpendapatan rendah di bandar-bandar maka masalah ini tentu akan explode di bandar dan sekiranya Kerajaan mahu membangunkan, mahu membawa perindustrian yang lebih ke bandar-bandar supaya memberi pekerjaan kepada rakyat yang miskin dan khususnya kepada mereka yang datang daripada luar bandar dan ini adalah satu daripada keperluan yang penting yang patut dan mesti disediakan oleh pihak Kerajaan.

Tuan Speaker, tentang Kemajuan Tanah Perusahaan (Industrial Estate Development) kita memang sedar bahawa Kerajaan Negeri dan juga Pusat ada melibatkan diri dalam hal menyediakan tapak-tapak perusahaan bagi maksud mendirikan kilang-kilang dan sebagainya tetapi terdapat di dalam hal ini di mana badan-badan yang ditugaskan untuk memajukan tanah perusahaan dengan tujuan untuk membawa perindustrian kepada satu-satu kawasan itu tidak menjalankan tugasnya dengan jujur, ikhlas dengan satu pandangan yang berjarak jauh. Misalnya di kawasan Perak, Parit Buntar di mana 362 ekar tanah telah disediakan sebagai tapak perusahaan beberapa tahun dahulu dengan menelan perbelanjaan berjuta-juta ringgit tetapi selepas disediakan sebahagian besar daripada 362 ekar bagi maksud ini sehingga hari ini hanya terdapat empat kilang. Tiga daripadanya kilang yang mengeluarkan bahan manufactured goods, satu daripadanya ialah gudang beras oleh LPN. Kebanyakan tanah yang telah disediakan itu tidak diterima oleh pelabur-pelabur khususnya dari dalam negeri. Jadi di sinilah timbul masalah mengapa dan bagaimana pihak Kerajaan khususnya MIDF barangkali kalau sekiranya dirunding meluluskan supaya tapak ini pilih dan dimaju bagi maksud perusahaan. Kalau sekiranya MIDF atau Badan-badan Persekutuan dirunding dan ia menasihat supaya ini yang dipilih dan dimajukan, maka saya minta Menteri yang berkenaan untuk menyiasat apakah yang berlaku dalam hal ini oleh

kerana tapak perusahaan Parit Buntar ini sudahpun menjadi satu "White Elephant" di Perak? Kita tidak mahu perkara ini diulangi di mana-mana tempat di dalam negara kita oleh kerana Kerajaan Pusat akan memberi keutamaan dalam pemberian ini atau pemberian pertambahan (road grant) kepada negeri-negeri yang dianggap mundur.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Speaker, dalam masalah ini saya percaya pihak Kerajaan Pusat sedia maklum bahawa baru-baru ini Kerajaan Negeri Perak telah membuat satu pindaan kepada Ordinan State Economic Development Corporation di mana pihak Kerajaan Negeri boleh menjamin bagi pinjaman oleh SEDC dari mana-mana bank perdagangan ataupun mana-mana institusi kewangan asalkan kebenaran diberi oleh Kerajaan Pusat.

Tuan Speaker, saya berharap Kerajaan Pusat tidak akan dengan sewenang-wenangnya memberi kelulusan sekiranya ada permintaan tetapi satu-satu kelulusan itu yang dibuat oleh Kerajaan Pusat mengenai perkara ini hendaklah dibuat selepas ditimbang dengan sedalam-dalamnya. Kalau tidak Kerajaan Pusat akan membantu Kerajaan Negeri untuk create lebih banyak lagi "White Elephant" di Negeri Perak.

Tuan Yang di-Pertua, dalam soal kemajuan tanah perusahaan, Kerajaan Pusat hendaklah menimbangkan sedalam-dalamnya soal-soal yang saya bangkitkan semalam dan juga hari ini iaitu keupayaan untuk melaksanakannya. Tidaklah berguna bagi Kerajaan Pusat untuk membuat satu-satu pemberian pertambahan di mana pemberian itu terikat tanpa mengeluarkan hasil yang diinginkan oleh kerana Kerajaan Negeri itu tidak mempunyai keupayaan. Dalam hal ini lebih baik dan lebih bijak bagi Kerajaan Pusat untuk membuat pemberian itu kepada negeri-negeri yang berhampiran dengan negeri yang tidak mempunyai keupayaan itu di mana negeri yang berhampiran itu mempunyai keupayaan supaya wang itu digunakan di situ. Oleh kerana dengan menggunakan wang di negeri-negeri yang mempunyai keupayaan itu follow-up effect tentu ada, khususnya di negeri-negeri yang berhampiran yang didapati tidak mempunyai keupayaan. Jadi, saya berharap Kerajaan Pusat tidak akan

menutup mata kepada negeri-negeri yang mempunyai keupayaan kerana Kerajaan Pusat menganggapkan sudah pun maju.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kita sebut tentang maju mengikut *per capita* Gross Domestic Product (GDP) saya rasa ini satu perkara yang mungkin misleading. Saya berharap Kerajaan Pusat tidak akan seratus peratus bergantung kepada *per capita* Gross Domestic Product (GDP) sahaja oleh kerana mungkin ada negeri-negeri yang penduduknya kecil tetapi *per capita* GDP tinggi, tetapi Kerajaan Pusat mesti sedar bahawa contribution pun tinggi juga oleh rakyat di negeri-negeri. Jadi, Kerajaan Pusat tidak boleh mengatakan, umpamanya, Pulau Pinang atau Negeri Selangor sudah maju oleh kerana *per capita* GDP itu tinggi tetapi contribution pun tinggi yang balik kepada Kerajaan Pusat.

Jadi, saya harap di sini Kerajaan Pusat jangan menutup mata kepada negeri-negeri yang mana GDP itu tinggi tetapi dalam hal ini memang kita setuju bahawa negeri yang mundur sepatutnya dibantu tetapi dengan "caution" supaya wang jangan terikat di dalam satu-satu negeri oleh kerana Kerajaan Pusat mahu memajukan negeri itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang kelima-lima perkara ini khususnya empat iaitu bekalan air, perumahan awam, kemajuan tanah perusahaan dan kerja-kerja kecil di bawah seksyen baru iaitu 4A. Saya masih belum dapat tahu daripada Timbalan Menteri Kewangan mahupun lain-lain Menteri atau bagi pihak Kerajaan sama ada apportioning ini akan dibuat secara adil dan saksama, apportioning iaitu di bawah seksyen 4A yang pemberian tambahan yang paling tinggi sekali \$50 juta. Saya ingin tahu daripada \$50 juta itu adakah Kerajaan sudah memutuskan berapa peratuskah akan digunakan untuk bekalan air, berapa peratuskah untuk perumahan awam, kemajuan tanah perusahaan, dan kerja-kerja kecil? Oleh kerana saya syaki bahawa Menteri Kewangan yang datang daripada Negeri Kelantan mungkin akan menggunakan kesempatan ini untuk menggunakan sebahagian besar daripada pemberian pertambahan ini bagi maksud yang keempat iaitu kerja-kerja kecil di Negeri Kelantan untuk hoodwink pengundi-pengundi di Negeri Kelantan, Tuan Yang di-Pertua. Saya syaki bahawa mungkin ini akan dibuat. Itulah sebabnya saya minta Timbalan Menteri Kewangan apabila menjawab

untuk memberitahu saya guideline yang akan digunakan dalam peruntukan bagi setiap Maksud Pembangunan ini. Sama ada pemberian ini dibahagikan sama rata iaitu 25% bagi setiap maksud pembangunan ataupun ada berbeza-beza oleh kerana Menteri Kewangan datang daripada Kelantan, maka 50% untuk kerja-kerja kecil misalnya jambatan atau lain-lain perkara di dalam Negeri Kelantan. Saya ingin tahu daripada Timbalan Menteri.

Kedua, saya ingin tahu sama ada daripada pemberian pertambahan itu akan dibuat berdasarkan keperluan dari semasa ke semasa, dari negeri ke negeri tertakluk kepada kemampuan pelaksanaan (implementation capacity) dan tertakluk kepada past record setiap negeri itu oleh kerana banyak wang telah dibahagikan kepada Kerajaan Negeri-negeri di mana prinsip accountability nampaknya tidak wujud di mana wang-wang yang diterima dan dibelanjakan bertahun-tahun tak dapat, (*Dengan izin*) cannot be accounted for, sehingga ini. Ini Kerajaan Pusat mesti mengambil pandangan yang berat sebelum peruntukan ataupun pemberian pertambahan ini dibuat.

Sebelum saya mengakhiri ucapan saya, saya juga ingin menyentuh sedikit sebanyak oleh kerana perkara-perkara dalam Rang Undang-undang ini memang melibatkan usaha Kerajaan untuk meninggikan taraf hidup dan juga untuk mengurangkan kadar kemiskinan sehingga dapat dihapuskan. Tuan Yang di-Pertua, pada 10hb yang lalu Ahli dari Pasir Puteh nampaknya tidak begitu faham tentang pendirian DAP. Walau bagaimanapun, dalam ucapan beliau, beliau ada menyatakan dan saya quote: "Pihak DAP ini dengan terang-terang anti-kemiskinan". Saya katakan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh oleh kerana selepas setahun beliau sudah sedar bahawa DAP ini memang anti-kemiskinan dan beliau sendiri menyatakan DAP ini dengan terang-terang anti-kemiskinan. Ya, kita anti-kemiskinan, kita bukan anti-si miskin seperti Ahli dari Pasir Puteh, mungkin.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: (*Bangun*)

Tuan P. Patto: Saya tak beri jalan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat (*kepada Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad*) berdiri fasal apa?

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, beliau salah faham . .

Tuan P. Patto: Saya tidak ada di sini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Pasir Puteh hendak minta jalankah atau on a point of order

Tuan P. Patto: Saya tidak beri jalan. Kalau mahu jawab boleh jawab pada masa Budget

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat, (*kepada Tuan P. Patto*) nanti dahulu

Tuan P. Patto: Anti-kemiskinan, baca ini, pakar Bahasa Malaysia. Ahli dari Pasir Puteh pakar Bahasa Malaysia kononnya.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Ya. Saya lebih pakar daripada Ahli Menglembu.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Tidak apalah Yang Berhormat!

Tuan P. Patto: Memang—mungkin. Saya bukan kata saya pandai, mungkin Ahli dari Pasir Puteh jaguh berpidato—mungkin, saya menerima.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli dari Pasir Puteh itu juga menyindir-nyindir mengatakan: Ahli-ahli dari DAP ini tidak faham Bahasa Malaysia, tidak tahu apa yang saya bercakap, saya terpaksa bercakap dengan Bahasa Malaysia yang mudah. Kita memang sedar diri kita, kami dalam DAP sedar diri, mungkin ada kelemahan dalam pertuturan Bahasa Malaysia, tetapi Ahli-ahli DAP di dalam Dewan ini membuat segala usaha untuk mempelajari Bahasa Malaysia, kami tidak pernah mengatakan kami jaguh dalam Bahasa Malaysia, kami tidak membuat satu-satu yang ditafsir sebagai orang itulah menjadi jaguh Bahasa Malaysia seperti yang dibuat untuk ditafsir sebagai Ahli dari Pasir Puteh itulah jaguh Bahasa Malaysia. Kalau kita kaji ucapan beliau sendiri saya hairan

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat, apakah kaitannya perkara yang dibahaskan ini berkenaan dengan Rang Undang-undang yang sedang dibahaskan sekarang? Kalau tidak ada kaitan tolong pendekkan sedikit.

Tuan P. Patto: Ya, saya akan sampai.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:
Tuan Yang di-Pertua

Tuan P. Patto: Tuan Speaker, saya tidak beri jalan, kalau mahu boleh berucap dalam masa Budget dan kita boleh bahas. Saya rasa Ahli itu tidak payah buang masa Dewan ini.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:
Saya hendak beri penerangan.

Tuan P. Patto: Tidak payah.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Saya sudahpun memberi pandangan.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:
(*Bangun*).

Tuan P. Patto: Baca *Hansard*, kalau mahu saya boleh pinjamkan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: (*Kepada Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed*) Yang Berhormat tolong duduk.

Tuan P. Patto: Tuan Speaker, inilah . . .

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:
Saya hendak bercakap mengenai koram.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Kalau fasal koram lain hal, kalau begitu hendak sebut fasal koram ataupun hendak berhujah?

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:
Fasal koram tidak cukup.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Baik.

Tuan P. Patto: Itu saya boleh duduk.

(*Loceng dibunyikan: Ahli-ahli dikira, 26 Ahli hadir*)

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Koram cukup Yang Berhormat, maka perbahasan diteruskan.

Tuan P. Patto: Terima kasih, Tuan Speaker. Dalam hal ini saya ingin mengingatkan Ahli-ahli daripada Barisan Nasional khususnya Ahli dari Pasir Puteh janganlah menganggap dirinya sebagai jaguh dalam satu-satu bidang, khususnya Bahasa Malaysia dan saya akan

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Maaf Yang Berhormat

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:
Pihak DAP ini selalu menimbulkan salah faham daripada ucapan yang saya

Tuan P. Patto: Saya akan sambung, kalau Yang Berhormat itu hendak ganggu saya, saya pun boleh ganggu beliau.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Baik, teruskan.

Tuan P. Patto: Terima kasih, Tuan Speaker. Jadi dalam hal ini saya berharaplah Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan apabila menggulung perbahasan akan memberi jawapan kepada beberapa perkara yang saya telah bangkitkan khususnya tentang pemberian dan apportioning of funds kepada empat maksud pembangunan yang specific iaitu water supply, public housing, industrial estate development dan minor works.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Saya jemput Yang Berhormat dari Jelai.

4.26 ptg.

Tuan Ismail bin Arshad (Jerai): Tuan Yang di-Pertua, dalam turut membahaskan kepada pindaan suatu Akta untuk meminda Akta Pemberian Pertambahan Hasil 1977 iaitu pindaan tahun 1979 ini, saya adalah di antara salah seorang yang turut merasai gembira kerana pihak Kerajaan dan khasnya Kementerian Kewangan telah dapat mengemukakan satu pindaan kepada Rang Undang-undang untuk pertambahan hasil bagi negeri-negeri.

Dengan adanya pindaan untuk memberikan pertambahan hasil kepada negeri-negeri ini telah menunjukkan bahawa minat dan hasrat Kerajaan yang dilaung-laungkan selama ini iaitu sebagai sebuah Kerajaan yang berjiwa rakyat telah dapat dibuktikan dan dengan inilah saya rasa maka pihak parti-parti Pembangkang juga sama ada mahu atau tidak mahu terpaksa menerima dan menyokong kepada matlamat pindaan meminda Akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam pindaan di bawah Seksyen 2 Akta Pemberian Pertambahan Hasil, 1977 dan juga kepada Seksyen 4 ini telah menunjukkan bahawa pihak

Kerajaan benar-benar menyedari dan pihak Kerajaan bersungguh-sungguh untuk dapat mencapainya Matlamat Dasar Ekonomi Baru Kerajaan sesuai dengan pertambahan-pertambahan yang sewajarnya diberikan kepada negeri-negeri untuk dapat dimajukan negeri-negeri di dalam golongan negeri-negeri yang kurang maju.

Sebagai Wakil dari Kedah saya percaya saya akan lebih banyak menyentuh mengenai kedudukan Negeri Kedah. Saya harap Wakil dari Menglembu ataupun Wakil dari Kota Melaka tidak akan rasa kecil hati bila saya bercakap lebih banyak mengenai kepentingan Negeri Kedah dan juga seperti apa yang disebutkan lebih banyak memberi kepentingan kepada Negeri Kelantan. Apa yang saya sebutkan di sini bukanlah kerana Negeri Kedah itu datangnya Timbalan Perdana Menteri dan sama jugalah mungkin kalau Negeri Kelantan itu bukan kerana Kelantan itu datangnya Menteri Kewangan. Tetapi apa yang jelas ialah negeri ini adalah tergolong di dalam negeri-negeri yang kurang maju termasuk jugalah Negeri Perlis dan Negeri Trengganu.

Dalam ucapan Wakil dari Kota Star pada hari semalam, Wakil itu telahpun menyebut bahawa Negeri Kedah juga adalah negeri yang kurang maju yang seharusnya Kerajaan Pusat memberi perhatian walaupun Negeri Kedah diperintah oleh PERIKATAN dan Barisan Nasional sejak dari dahulu, tidak seperti Kelantan diperintah oleh PAS yang kononnya tidak maju. Sungguhpun demikian sukalah saya menjelaskan di sini walaupun Negeri Kedah itu terdiri ataupun tergolong dalam negeri-negeri yang kurang maju, tetapi kita dapati bahawa Negeri Kedah adalah sedang menghadapi pembangunan-pembangunan yang lebih pesat jika dibandingkan dengan Negeri Kelantan yang telah tertinggal sejak 19 tahun. Dan dengan ini saya tidak merasa kecil hati kalau sekiranya peruntukan yang lebih diberikan kepada pembangunan dan kemajuan kepada Negeri Kelantan yang tertinggal begitu lama.

Di samping itu bahawa Negeri Kedah juga adalah tergolong di dalam negeri-negeri yang kurang maju seperti yang disebutkan. Yang sebenarnya Kedah tidaklah seburuk yang disangkakan. Kedah juga mempunyai perancangan-perancangan dan kemajuan-kemajuan tetapi yang menjadi persoalan dan masalah kepada Kedah ialah penghasilan dan pendapatan Negeri Kedah itu tidak seimbang

dengan perancangan-perancangan kemajuan yang sedang dilaksanakan dan akan dilaksanakan sesuai bagi dapat menandingi dengan negara-negara ataupun negeri-negeri yang lebih maju dan berkemampuan di Malaysia ini.

Ini dapat diperhatikan dari hasil tahun 1977 di mana Kedah hanya dapat mengumpul sebanyak \$53.877 juta sahaja seluruh penghasilan Kedah sedangkan perbelanjaan yang diperlukan kepada pentadbiran dan pembangunan Kedah meningkat kepada sebanyak \$60.481 juta yang mana dengan ini menunjukkan Kedah kekurangan \$6 juta yang terpaksa mendapat sumbangan dan saluran pinjaman daripada Kerajaan Pusat kalau sekiranya berkehendakkan Negeri Kedah ini dapat dijalankan kemajuan-kemajuan ataupun perancangan-perancangan yang telah disusun.

Begitu juga pada tahun 1979 ini jika dibandingkan mengikut anggaran pendapatan dan penghasilan Negeri Kedah hanya \$44 juta berbanding dengan anggaran belanjawan bagi Negeri Kedah pada tahun 1979 ini ialah meningkat sebanyak \$84 juta. Dan inilah yang telah ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Setar semalam bahawa Kedah terpaksa meminjam \$40 juta daripada Kerajaan Pusat untuk projek pembekalan air bagi kawasan Kota Setar dan bukan kawasan Jerai iaitu kawasan saya. Dan dengan inilah rasa saya Ahli Yang Berhormat dari Kota Setar ini sendiri memberi sokongan penuh kepada pindaan Rang Undang-undang ini dan kepada Dewan Negeri Kedah apabila meluluskan peruntukan dan untuk meminjam \$40 juta daripada Kerajaan Pusat.

Tuan Yang di-Pertua, bila menyentuh tentang Seksyen 4 Akta Pindaan ini dan juga Seksyen 4A nampaknya dengan wujudnya sumber pertambahan kepada pemberian kepada negeri-negeri ini adalah merupakan sebagai satu nadi kepada negeri-negeri yang kurang maju untuk dapat melipatgandakan lagi usaha-usaha kemajuan sesuai kepada mencapai kemantapan matlamat Dasar Ekonomi Baru Kerajaan menerusi Rancangan Malaysia Ketiga, Keempat dan mungkin seterusnya.

Sungguhpun dengan pertambahan tidak lebih daripada \$100 juta menurut pindaan Akta ini adalah merupakan sebagai satu pemberian yang agak banyak, tetapi sukalah

saya menyarankan di sini sekali lagi seperti apa yang pernah saya sebutkan di dalam ucapan saya yang pertama di Dewan ini semasa Belanjawan tahun yang lalu di mana saya telah meminta pihak Kementerian Kewangan dan Kerajaan Pusat supaya dapat mengkaji dan menilai semula formula sistem kewangan negara ini untuk dapat diberikan pertambahan yang langsung dan pertambahan yang lebih banyak kepada negeri-negeri terutama sekali kepada Negeri Kedah.

Semalam juga telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kangar bagaimanakah Negeri Perlis kononnya sebuah negeri yang sama besarnya dengan satu kawasan pilihanraya yang ada di negeri lain tetapi mempunyai Raja, Menteri Besar, Ahli-ahli Exco dan jabatan-jabatan seperti sebuah negeri yang lain juga telah banyak memberikan sumbangan penghasilan kepada Kerajaan Pusat yang mana diharapkan supaya Kerajaan Pusat memberikan pulangan balik kepada negeri-negeri untuk dapat melaksanakan kemajuan-kemajuan yang lebih meningkat di negeri itu.

Saya rasa dalam hal ini Kedah juga adalah 10 kali ganda daripada Negeri Perlis dan Kedah juga adalah sebuah negeri yang lebih banyak memberi sumbangan kepada Kerajaan Pusat kerana Kedah adalah sebuah negeri pertanian khususnya tanaman padi. Dan dengan adanya petani-petani di Negeri Kedah telahpun memberikan sumbangan pertambahan keperluan beras negara sebanyak \$500 juta pada setiap tahun yang mana dengan ini telah menunjukkan bahawa pada setiap satu keluarga petani di Negeri Kedah telah dapat menyumbangkan keperluan beras untuk dapat dimakan oleh tiap-tiap 100 orang rakyat Malaysia. Jadi sumbangan ini adalah merupakan sumbangan yang terbesar terhadap negara dan merupakan satu pengorbanan yang begitu tinggi nilainya dan jika dibandingkan bahawa setiap tahun sumbangan daripada Negeri Kedah yang merupakan beras untuk keperluan negara yang dapat menyelamatkan pertukaran asing, pertukaran wang luar negeri kepada Kerajaan Pusat sebanyak \$500 juta ini jika dibandingkan dengan \$100 juta yang akan diberikan kepada negeri Kedah mungkin tidak dapat dinilai.

Oleh yang demikian inilah yang selalu dibangkitkan dan inilah yang merupakan harapan bagi Negeri Kedah supaya Kerajaan Pusat dapat memberikan pertimbangan yang

sesungguhnya kerana daripada penghasilan sumbangan Negeri Kedah ini tidak ada apa-apapun memberi keuntungan balik kepada Negeri Kedah melainkan kepada Kerajaan Pusat. Jadi kalau sekiranya pihak Kerajaan Pusat tidak pun memulangkan balik sebahagian ataupun sebahagian besarnya untuk dapat dilaburkan kepada kemajuan dan pembangunan Negeri Kedah sendiri maka adalah bererti apa yang disumbangkan oleh petani-petani Negeri Kedah khasnya sebagai satu kekeciwaan.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh di dalam Seksyen 6 Akta Pindaan ini di mana di dalam perkara ini telah diperuntukkan supaya peruntukan-peruntukan pertambahan ini kepada maksud-maksud penibangunan tertentu iaitu seperti bekalan air, perumahan awam, kemajuan tanah perusahaan, projek-projek kecil dan sebagainya, jadi inilah yang suka saya jelaskan bahawa apa yang terdapat daripada sumbangan Negeri Kedah yang dikehendaki ini ialah supaya dapat lebih banyak sumbangan yang dapat diberikan kepada projek-projek pembangunan khasnya kepada pembekalan air ini.

Petani-petani di Kedah tidak banyak mendapat kemudahan-kemudahan pembekalan air walaupun di dalam kawasan Muda sendiri terdapat Rancangan Perairan Muda yang mana banyak saluran-saluran taliair dan hanya kalangan-kalangan rakyat yang tinggal di pendalaman menggunakan air daripada saluran-saluran ini sahaja dan apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Setar semalam bahawa air daripada sungai ini adalah mengandungi racun-racun pertanian dan juga mengandungi bahan-bahan yang tidak baik untuk diminum adalah akan menjejaskan kesihatan dan juga rakyat yang ada di sana. Jadi inilah diharapkan supaya dengan pertambahan yang lebih ini akan dapat memberikan peluang untuk Negeri Kedah memajukan di dalam bidang pembekalan air ini supaya masalah ini tidak lagi menjadi masalah yang akan menjejaskan pada keseluruhannya.

Bila bercakap mengenai perbekalan air ini di Kedah terutama sekali di kawasan pilihanraya saya sendiri boleh dikatakan sejak daripada kemarau tahun yang lalu sehingga sekarang ini masih lagi sebahagian besar kawasan-kawasan membuka meter air untuk mendapatkan air daripada saluran-saluran air ini. Apabila dikemukakan kepada pihak JKR ataupun JKA bertanyakan berkenaan

bekalan air ini dan dicadangkan supaya diadakan sumber-sumber bekalan air yang baharu; dijawab oleh pihak perbekalan air, tidak payah kerana perancangan yang ada di Alor Setar iaitu projek Bukit Pinang sudahpun memberi kecukupan untuk air dan bila ditanya bila siap, dijanjikan pada tahun 1978. Sekarang tahun 1979 akan hampir tamat, perbekalan air ini belum dapat lagi disempurnakan dan bila ditanya lagi: tunggu perkara ini sedang dilaksanakan. Tetapi nampaknya kesan-kesan tidak begitu menggalakkan dan tidak dapat diharapkan dapat memberi penyelesaian menjelang musim kemarau ataupun bulan Januari/Februari tahun 1980 akan datang. Dengan ini, saya rasa biarlah pihak Kerajaan Pusat mengambil perhatian yang langsung terhadap peruntukan yang diberikan supaya peruntukan-peruntukan yang seumpama ini akan dapat dijadikan perbelanjaan kepada yang memberi faedah secara langsung dan dengan secepat mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun saya katakan tadi bahawa di Kedah itu telah banyak perancangan-perancangan pembangunan dan akan lebih banyak lagi perancangan-perancangan pembangunan yang sesuai apabila pertambahan-pertambahan peruntukan ini diberikan. Apa yang mendukacitakan kita ialah sehingga ini di dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini yang mana hanya tinggal lagi setahun iaitu tahun 1980 tetapi perlaksanaan-perlakuan perancangan yang telah disusun selama ini hanya baharu dapat dijalankan sebanyak tidak lebih daripada 60%. Jikalau sudah empat tahun berjalannya Rancangan Malaysia Ketiga ini baharu tidak sampai 60% dan hanya tinggal satu tahun ke hadapan masih tinggal lagi 40% maka kita rasa sudah tentu ianya tidak akan dapat mencapai sepenuhnya matlamatnya.

Oleh itu, dengan pertambahan peruntukan ini adalah diharapkan supaya agensi-agensi pelaksanaan Kerajaan menyelesaikan rancangan-rancangan yang telah disusun ini dapat diambil perhatian yang langsung terutama sekali di dalam peruntukan-peruntukan tambahan yang akan didapati ini akan meliputi juga kepada perbelanjaan-perbelanjaan pengurusan dan bukan sahaja perbelanjaan-perbelanjaan untuk pembangunan. Apa yang telah dirungutkan atau dibangkitkan tentang kekurangan pegawai-pegawai pelaksanaan dan pegawai-pegawai pengurusan

akan dapat dipenuhi secepat mungkin supaya perancangan-perancangan yang ada itu dapat diselaraskan dengan kemampuan pegawai-pegawai yang secukupnya nanti.

Tuan Yang di-Pertua, di Negeri Kedah juga ada mempunyai perancangan untuk dapat memajukan kemajuan tanah-tanah perusahaan terutama sekali dalam bidang tanah perusahaan pertanian di mana Kedah telah merancang untuk menubuhkan sebuah Lembaga Kemajuan Lembah Kedah Tengah yang mana ini akan mengharapkan peruntukan yang lebih daripada Kerajaan Pusat supaya perancangan ini dapat dilaksanakan dengan sepenuhnya. Banyak tanah-tanah kosong yang masih belum dapat dimajukan dan jika ini berkehendak dimajukan maka bererti Kerajaan Negeri berkehendakkan perbelanjaan yang mencukupi supaya dengan perbelanjaan yang mencukupi itu akan dapat membiayai perancangan-perancangan ini. Inilah yang saya katakan tadi bahawa memandang bahawa Negeri Kedah sebagai negeri pertanian dan sumbangan Negeri Kedah terhadap Kerajaan Pusat dengan pertambahan bahan makanan untuk negara akan mendapat perhatian daripada Kerajaan Pusat dan Kerajaan Pusat seharusnya lah menilaikan dari masa ke semasa menurut seperti mana cerai 2 kepada seksyen 2 pindaan Akta ini iaitu dari masa ke semasa Kementerian Kewangan akan dapat mengkaji atau dapat menyesuaikan kepada keperluan-keperluan yang ada ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada pihak Kerajaan dan Kementerian Kewangan yang menyedari di atas hasrat ramai supaya peruntukan tambahan dapat diberikan kepada Kerajaan Negeri-negeri yang kurang maju supaya dapat mengimbangkan pencapaian Dasar Ekonomi Baru Kerajaan dan dapat menyesuaikan pembangunan-pembangunan dan keperluan-keperluan semasa ini dan dengan ini saya sukacitalah memberi sokongan yang penuh kepada pindaan Akta ini untuk diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua: Saya jemput Yang Berhormat dari Bandar Sibul.

4.46 ptg.

Dr Wong Soon Kai (Sibu): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun mengambil bahagian dalam perbahasan dan memberi sokongan

kepada Rang Undang-undang bernama, Suatu Akta untuk meminda Akta Pemberian Pertambahan Hasil 1977. Di bawah Akta asal tidak ada pemberian yang akan diberi kepada negeri-negeri jika sekiranya perkembangan hasil Persekutuan kurang daripada 10%. Sekarang adalah dipinda untuk memberi pemberian sejumlah tidak melebihi \$100 juta apabila hasil Persekutuan berkembang sahaja. Ini adalah satu tindakan ke arah yang betul. Sepertimana tujuan Kerajaan hendak menubuhkan satu masyarakat yang adil, saksama dan seimbang pemberian kewangan kepada negeri-negeri haruslah didasarkan kepada prinsip bahawa negeri-negeri yang lebih mundur dan miskin akan mendapat banyak pemberian daripada negeri-negeri yang lebih maju. Dalam hubungan ini saya bersetuju sepenuhnya dengan Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah meminta peruntukan kewangan yang lebih bagi negeri-negeri seperti Sarawak dan Kelantan.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan saya adalah datang dari Sibu di Negeri Sarawak, izinkanlah saya menyentuh serba ringkas mengenai negeri saya. Sarawak adalah sebuah negeri yang terbesar sekali di Malaysia dari segi kawasannya dan pemikiran am di luar negeri itu bahawa kami adalah kaya dengan sumber-sumber semula jadi dan oleh itu mempunyai potensi yang baik untuk pembangunan selanjutnya. Walau bagaimanapun, adalah tidak berharga bahawa saiz kami Sarawak yang besar kekurangan infrastruktur, penduduk-penduduk di merata-rata, terrain tanah tidak rata dan baik, sistem perhubungan yang buruk dan faktor-faktor lain yang menjadi satu beban yang jelas dan mengakibatkan hakikat bahawa taraf hidup rakyat biasa di Sarawak menjadi satu yang paling rendah sekali di Malaysia pada hari ini.

Penduduk luar bandar kita dari semua bangsa adalah berkebun kecil, pekebun-pekebun yang mengamalkan menanam berpindah-pindah (shifting cultivation) dan nelayan kecil di mana terdapat kehidupan alam sekeliling yang buruk, kemiskinan dan kekurangan makanan adalah masih menjadi-jadi, walaupun terdapat kebaikan dan kemajuan yang besar sejak merdeka menerusi Malaysia pada tahun 1963. Oleh kerana keadaan-keadaan physical dan alam sekitar yang khusus, Sarawak semestinya memerlukan peruntukan kewangan yang lebih tinggi dari negeri-negeri lain seperti di

Semenanjung Malaysia supaya mencapai jumlah projek kemajuan yang sama dan kesan-kesan pembangunan.

Sebagai contoh, Tuan Yang di-Pertua, sekurang-kurangnya \$3 juta adalah diperlukan untuk memperbaiki dan membetulkan keluasan jalan yang dipanggil nama Jalan Lanang di bandar Sibu yang kurang dari tiga batu jauhnya. Manakala saya fikir satu pertiga atau kurang daripada jumlah tersebut akan cukup kalau dilaksanakan di Semenanjung Malaysia. Tambahan pula Kerajaan Negeri Sarawak telahpun membelanjakan banyak wang untuk jalan yang sebok tersebut yang mana masih dilanda banjir seringkali semasa air naik dan penuh lobang-lobang dan lekuk-lekuk. Oleh itu adalah tidak patut diberi pemberian seperti pemberian jalan sebagai contoh sama jumlahnya bagi semua negeri tanpa mengambil kira sepenuhnya dalam pertimbangan keadaan-keadaan physical dan lain-lain dan juga kos pemeliharaan dan pembinaan. Saya harap Kerajaan Persekutuan di dalam memberi pemberian kepada Sarawak pada masa hadapan akan memberi pertimbangan yang lebih dari dahulu kepada keadaan-keadaan yang susah yang terdapat di Sarawak dan akan memperuntukkan lebih banyak lagi kewangan kepada kita.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Kota Melaka telah membuat satu rayuan khas bagi \$100 juta pemberian untuk negeri Sarawak di dalam Dewan yang mulia ini dua hari dahulu. Saya sendiri mengalu-alukan sesiapa Ahli Yang Berhormat dari negeri-negeri lain untuk menganjurkan keperluan Negeri Sarawak kecuali penganjuran ini tidaklah dibuat untuk motif-motif yang kurang jujur. Saya mesti menunjukkan bahawa semasa pilihanraya Negeri Sarawak yang baru lalu Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka dan rakan seperjuangan DAP di Sarawak menyebarkan seluas-luasnya sebagai propaganda permintaan mereka kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bagi peruntukan khas sebanyak \$100 juta ini bagi Sarawak. Dan pada masa yang sama mereka menyindir-nyindir bahawa Ahli-ahli Barisan Nasional di Sarawak tidak pernah berjuang untuk tujuan sebarang pertambahan peruntukan kewangan bagi rakyat kami.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyatakan bahawa sindiran-sindiran tersebut adalah tidak benar dan tidak dipercayai oleh sebilangan besar rakyat kami. Biasanya Kerajaan Barisan Nasional Negeri Sarawak tidak akan bertindak seperti DAP yang telah memohon kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk cheque sebanyak \$100 juta tanpa menyertakan cadangan-cadangan penuh yang dapat diusahakan mengenai projek-projek yang memerlukan wang begitu banyak dan cadangan cara-cara perlaksanaannya.

Sebenarnya jumlah peruntukan kewangan tambahan bagi negeri Sarawak dalam Kajian Separuh Penggal telah merupakan beratus-ratus juta ringgit, tidak termasuk jumlah yang besar kewangan yang diminta oleh kami tetapi tidak diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan. Saya yakin Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka adalah benar-benar jujur dalam motifnya dan tidak menjadikan rayuan ekonomi itu bagi negeri Sarawak kepada satu modal politik (political capital) bagi DAP.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan pandangan kebanyakan Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa keutamaan pemberian haruslah diberi kepada kawasan-kawasan luar bandar dan kawasan-kawasan yang kurang maju. Di sini saya ingin menunjukkan bahawa adalah banyak kawasan-kawasan yang mundur yang memerlukan pembangunan yang baik dalam bandar mahupun di luar bandar. Kelompok-kelompok dengan kemiskinan, penuh sesak dan keadaan-keadaan hidup yang dahsyat adalah terdapat sekarang di bandar-bandar seperti di Sibu, Sarawak. Dan dia patut menerima keutamaan yang tinggi. Adalah mustahak kita mengenali bahawa tempat-tempat ini ialah tempat-tempat yang subur bagi memupuk perasaan tidak puashati.

Saya berasa gembira bahawa perumahan awam adalah merupakan satu daripada maksud-maksud pembangunan khusus yang diperuntukkan di bawah Akta baru ini dan saya meminta bahawa perumahan awam dapat keutamaan yang tinggi dalam kawasan-kawasan sesak di bandar seperti di Bandar Sibu.

Tuan Yang di-Pertua, satu issue lagi yang saya ingin menyatakan ialah Kerajaan Persekutuan harus menimbang kemasukan

pemberian sistem perhubungan air (river transport) sebagai pertambahan kepada pemberian jalan (road grant). Saya menganggap bahawa perjalanan oleh rakyat dengan motobot dan express launches di sungai kita adalah sama mustahak dengan jalan Negeri Sarawak jika tidak, lebih mustahak lagi.

Untuk meringgikan keadaan kehidupan rakyat pendaratan yang baik, pengkalan dan keperluan-keperluan seperti ini adalah perlu untuk pengangkutan sungai kita. Oleh itu, saya meminta kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan memberi pertimbangan sewajarnya untuk memasukkan pemberian bagi pembangunan dan pemeliharaan kemudahan-kemudahan pengangkutan sungai untuk Sarawak pada masa yang akan datang.

Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Sandakan.

5.00 ptg.

Tuan Fung Ket Wing (Sandakan): *(Dengan izin)* Tuan Speaker, I rise to take part in the debate on the Revenue Growth Grants (Amendment) Bill, 1979.

Tuan Speaker, Sir, Sabah is a State which covers 29,388 square miles and is the second largest State in the Federation of Malaysia with a population of slightly less than one million. The main exports from the State are timber, sawn timber, cocoa, palm oil, copper ore, petroleum and prawns which bring in huge revenue to the Federation each year. Yet the development in the State still requires great improvements and attention from the Federal Government, such as water supply, electricity supply, public housing, feeder roads to all kampungs and villages and the maintenance of roads in the State.

Many kampungs and villages in Sabah still do not have their water and electricity supply nor are there any roads leading to them except for footpaths such as Kampung Muanad and Kampung Paitan near Beluran and many others. In Kolapis near Sandakan electricity and water supply are provided only to houses on one side of the river whereas people living on the other side do not enjoy the same benefits.

Water supply is a serious problem in Sandakan, Tawau and Lahad Datu where water rationing is an almost every day affair. Sometimes the people go on for a week without water supply particularly in the Lahad Datu area. The water supplied to the public for consumption is so muddy that people are wondering whether it is safe for consumption. This may affect the health of the rakyat.

Beginning this year a public stand-pipe which supplied water to more than 60 families in Cecely Road in Sandakan was dismantled by the Water Works Department and despite the representations we made on behalf of the residents in the area to the authorities concerned, no action has been taken to instal the public stand-pipe to supply water to the residents in that area. This has caused severe hardships to the people in that area.

Mr Speaker, Sir, water supply is one of the essential things in life. I sincerely urge the Government to grant more fund to improve the water supply in the State of Sabah and at the same time to find a long-term solution to combat the water shortage in Sandakan which is acute.

Mr Speaker, Sir, electricity supply in Sabah is frequently disturbed and power failures occur every now and again in Sandakan, Tawau, Kota Kinabalu and Lahad Datu. This has caused great inconveniences to the public and has contributed towards the commission such as theft and robberies which are so common nowadays in Sabah. The Government should consider allocating more grants for the Sabah State to improve the State's electricity supply.

Shortage of houses is common in all States but particularly in the State of Sabah. To this stage the Federal Government has not extended its housing project to Sabah. I would like to inform the House that the people of Sabah are the same like many others in Semenanjung Malaysia who deserve to enjoy the same benefits such as low-cost houses like those enjoyed in Semenanjung Malaysia. I urge the Government to give serious consideration to begin construction of low-cost houses in Sabah so that the people will not feel that they are being ignored and neglected.

Mr Speaker, Sir, I would like to draw the attention of the Government to the fact that in constructing low-cost houses for the low-income group, they should bear in mind the social problems which may arise in future such as playgrounds and other facilities for the residents and to ensure that in their allocation of low-cost houses there should not be any malpractices, and allocations should be made irrespective of one's race, religion or political ideology.

On many occasions when the people complained to us as to why there was no construction of roads to their kampungs or villages, the answers given by the Government were either it was not inserted as a project or there were no funds for the projects. Mr Speaker, Sir, because of transportation problems many of the vegetables, fruits and crops grown in the interior cannot be sent out for sale due to the absence of roads and they are all wasted, and it is seriously affecting the livelihood of the farmers. I urge the Ministry of Finance to look into this matter more closely and grant more funds for the construction of more feeder roads in the State of Sabah so that the living standards of the kampung and village people will be improved and at the same time bring down the ever rising cost of living in the State to some extent.

Mr Speaker, Sir, the other point I would like to touch on is the maintenance of roads in Sabah. Besides the roads in Kota Kinabalu, the capital, being properly maintained, all other roads in other towns in Sabah need repairing. Many of the roads are with big potholes and also are damaged by landslides and they are not repaired until a few months later, the reasons given being due to lack of funds. This has caused inconveniences and accidents to the public. I urge the Government to grant adequate funds for the maintenance of all roads in the State of Sabah.

Mr Speaker, Sir, Sabah is not enjoying the fruits of development like the other States. This is due to the influx of the Filipino refugees who number about 100,000, but according to the Government's figure at the end of last year it was only 94,000. They are still coming in to the State, and the Government is not taking any action to stop them from coming in. The people in Sabah feel that their interest is greatly affected and eroded and their opportunities of enjoying the fruits of

development being taken away such as job opportunities, housing, medical, schooling and many other opportunities deriving from the fruits of development. Unless the Government takes a serious view of the Filipino refugees issue in the State of Sabah, the people of Sabah feel that they are being ignored and neglected.

I would like to inform the House here that when the influx of the Vietnamese refugees to Semenanjung Malaysia was only around 74,000 the Government responded to the issue with the utmost urgency and immediate action was taken at all levels including at the United Nations, but the Government seems to turn a deaf ear to the grave problems of the Sabah people posed by the Filipino refugees.

This is a very serious problem and the Government should explain why it has taken a double standard of the two refugee problems where one has contributed towards the creation of problems for which much had to be spent by the Government.

I would like to inform the House that the Filipino refugee problem cannot be isolated from the Vietnamese refugee problem and it is not the problem of the people of Sabah alone since Sabah is part of Malaysia. The Government should take immediate action to solve this grave problem before it is out of control.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Saya menjemput Ahli Yang Berhormat dari Pagoh.

5.10 ptg.

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohamed Yassin (Pagoh): Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun bersama-sama dengan rakan-rakan Ahli Yang Berhormat yang lain untuk turut serta membahaskan dan memberikan pandangan berhubung dengan Rang Undang-undang bernama "Suatu Akta untuk meminda Akta Pemberian Pertambahan Hasil, 1977" sebagaimana yang telahpun dibentangkan di dalam Dewan yang mulia ini oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan beberapa hari yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, konsep pembangunan adalah satu konsep yang relative, demikian juga istilah kemajuan. Oleh yang demikian, walaupun Negeri Johor merupakan sebuah negeri yang maju kalau dibandingkan

dengan negeri-negeri lain sebagaimana yang telahpun disuarakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat lebih awal daripada saya, tetapi soal kemajuan Negeri Johor juga adalah soal yang relative sebab walaupun dalam banyak segi Negeri Johor telah mencapai tingkat perkembangan yang menggalakkan tetapi dalam sektor-sektor dan bidang-bidang yang lain banyak lagi usaha-usaha yang perlu dijalankan dan dimajukan di peringkat Negeri Johor untuk memberikan faedah bukan sahaja kepada rakyat negeri bahkan umumnya untuk rakyat Malaysia.

Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Menteri Kewangan yang telah berjaya membawa Rang Undang-undang ini ke dalam Parlimen untuk dibahaskan dan amat sukacita dengan cadangannya yang dikemukakan dalam Rang Undang-undang ini yang telah memperuntukkan lebih banyak wang pemberian Kerajaan Pusat kepada Kerajaan Negeri. Walaupun begitu, saya difahamkan mengikut perkiraan dan formula yang digunakan sebagaimana yang dicadangkan di bawah Rang Undang-undang ini bermakna mana-mana negeri yang dianggap telah maju seperti Negeri Johor tidak akan mendapat nikmat yang lebih daripada pemberian geran Kerajaan ini, iaitu dibandingkan dengan negeri-negeri yang lain yang telah lebih maju. Tetapi sebagaimana yang telahpun saya suarakan tadi soal kemajuan dan pembangunan sesebuah negeri itu adalah relative, maka usaha-usaha masih banyak lagi yang perlu dijalankan bagi membangunkan Negeri Johor sebagai pintu masuk ke selatan Malaysia.

Saya difahamkan bahawa pihak Kerajaan Negeri, selain daripada mendapat bantuan daripada pihak-pihak Kerajaan Pusat juga, banyak mengemukakan cadangan bagi mendapatkan pinjaman daripada Kerajaan Pusat. Saya ingin mengemukakan perkara ini oleh sebab sekiranya kita menggunakan formula yang telahpun dikemukakan dan dicadangkan di bawah Rang Undang-undang ini maka tidak mungkin banyak bantuan yang boleh diperolehi oleh Kerajaan Negeri, tetapi saya ingin mendapat perhatian hasil daripada Yang Berhormat Menteri Kewangan supaya menimbangkan dengan teliti permohonan-permohonan daripada Kerajaan Negeri Johor terhadap mendapat pinjaman daripada Kerajaan Pusat untuk menjalan dan meneruskan projek-projek pembangunan, khususnya

dalam segi mengadakan kemudahan-kemudahan perumahan kos rendah dan juga mengadakan infrastructure bekalan air dan sebagainya.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, saya juga dimaklumkan bahawa banyak permohonan dikemukakan oleh pihak Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Johor kepada Kerajaan Pusat melalui Perbendaharaan untuk mendapatkan pinjaman bagi melaksanakan projek-projek yang dipertanggungjawabkan kepada perbadanan tersebut, tetapi saya dimaklumkan sehingga ini sebahagian daripada perkara-perkara yang dimohon itu masih belum dapat dipertimbangkan oleh pihak Perbendaharaan ataupun oleh pihak Menteri Kewangan dan dengan ini saya mengambil kesempatan supaya perkara ini akan mendapat perhatian yang berat daripada Yang Berhormat Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Seksyen 6 ataupun 7 sebagai mengganti Seksyen 6 di dalam Akta Ibu ada menerangkan tentang maksud-maksud pembangunan di mana wang yang diperuntukkan sebagai pemberian oleh Kerajaan Pusat itu dapat digunakan.

Saya ingin memetik satu daripada perkara yang menjadi perbincangan iaitu berhubung dengan masalah mengadakan lebih banyak lagi rumah-rumah untuk rakyat sebagaimana yang terkandung di dalam istilah 7 (d) dalam seksyen ini. Perkara perumahan adalah perkara yang amat penting dan apa yang telahpun dimaklumkan kepada kita oleh Kerajaan beberapa hari yang lalu daripada target rumah yang hendak dibina dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini hanya tidak lebih daripada 30% sahaja yang telah tercapai dan mengikut perkiraan kita hanya tinggal satu tahun lebih sahaja sebelum Rancangan Malaysia Ketiga ini berakhir, bermakna ada kemungkinan besar bahawa target yang hendak diharapkan oleh pihak Kerajaan untuk mencapai dari segi pembinaan rumah ini tidak dapat tercapai dengan sepenuhnya. Oleh yang demikian, saya percaya tumpuan yang lebih dan keutamaan haruslah diberikan oleh Kerajaan Pusat untuk menambahkan peruntukan kepada Kerajaan Negeri untuk mempercepatkan lagi proses pembinaan rumah-rumah rakyat dan rumah-rumah kos rendah di peringkat negeri-negeri.

Apa yang kita diberitahu baru-baru ini pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telahpun meluluskan tambahan Pusingan (Revolving Fund) kepada Kerajaan Negeri daripada \$5 juta kepada \$10 juta. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan tetapi sebagaimana yang telahpun saya terangkan tadi bahawa lebih banyak usah-usaha yang perlu kita jalankan dan lebih banyak lagi wang diperlukan oleh Kerajaan Negeri dan juga oleh Pengusaha-pengusaha Tempatan bagi mencapai target membina rumah untuk rakyat. Oleh yang demikian, dari segi mengadakan peruntukan tambahan bagi projek-projek perumahan ini saya ingin mencadangkan supaya kita tidak menggunakan satu angka peruntukan yang tetap kepada negeri-negeri secara pukul rata. Apa yang saya faham bahawa dengan kelulusan yang diisytiharkan oleh Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan baru-baru ini tiap-tiap negeri tidak kira jumlah penduduknya ataupun keperluan perumahannya akan diperuntukkan wang sebanyak \$10 juta tetapi mengikut pandangan saya sekiranya sesebuah negeri itu pertamanya mempunyai jumlah penduduk yang ramai dan keduanya peringkat perkembangan menyediakan rumah-rumah awam ini masih rendah lagi, maka adalah perlu selain daripada diadakan peruntukan yang tetap, juga diambil perkiraan formula ini, iaitu negeri-negeri yang jumlah penduduknya ramai dan juga keperluan perumahan itu banyak maka peruntukan yang lebih perlulah ditambah.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengalulakan Rang Undang-undang ini yang telahpun memberikan peluang kepada Kerajaan-kerajaan Negeri yang kurang wang dan kurang peruntukan mendapatkan bantuan dan pemberian terus daripada Kerajaan Pusat. Tetapi masalah yang besar yang kita hadapi sekarang ini dan juga yang amat membimbangkan rakyat kita pada hari ini ialah tentang kemungkinannya harga barang-barang di pasaran naik melambung disebabkan, pertamanya sebagaimana yang kita maklum dengan kenaikan harga minyak dan dengan sebab itu juga kenaikan harga perkhidmatan yang berkaitan dengan perusahaan-perusahaan pengangkutan, maka ini secara langsung dan tidak langsung akan memberikan kesan yang kurang baik kepada kehidupan masyarakat kita.

Dalam konteks ini, Tuan Yang di-Pertua, kita difahamkan bahawa mengikut pergolaan ekonomi dunia sekarang ini maka dunia akan menghadapi keadaan yang kurang baik dalam jangka tahun 1981 sehingga 1983, kalau ini dapat dibetulkan dan disahkan, dan sekiranya ini benar berlaku maka sedikit-sebanyak kesan-kesannya akan melimpah ke negara kita di dalam bentuk-bentuk inflasi yang diimpot daripada luar negeri dan juga disebabkan oleh kesan-kesan tekanan inflasi yang ada dalam negeri kita. Kenaikan harga barang-barang di pasaran membimbangkan rakyat dengan sebab kadar pertumbuhan dan hasil yang didapati oleh rakyat tidak berkembang sebagaimana cepatnya berkembang dan naiknya harga barangan di pasaran. Oleh yang demikian, dalam konteks ini apa yang kita maksudkan dengan pendapatan sebenar (real income) penduduk-penduduk khususnya di luar bandar tidaklah begitu tinggi sebagaimana yang kita harapkan dengan sebab walaupun hasil mereka naik tetapi kos-kos barangan juga naik bahkan lebih cepat daripada itu. Jadi, dalam hal ini satu pandangan yang tegas dan satu program dan strategi yang lebih berkesan bagi jangka pendek dan jangka panjang hendaklah diadakan oleh pihak Kerajaan Negeri dan Pusat untuk membendung dan juga untuk mencegah merebaknya kesan inflasi khususnya ke atas penduduk-penduduk yang tinggal di kawasan-kawasan luar bandar.

Di samping itu juga, Tuan Yang di-Pertua, kesan inflasi ini tidak dapat dinafikan melibatkan soal kos-kos penyelenggaraan dan pengurusan projek-projek yang hendak dijalankan oleh Kerajaan. Sebagaimana yang biasa kita alami sekiranya sesuatu projek itu tidak dilaksanakan dengan secepat mungkin dengan sebab-sebab tertentu oleh sebab kekurangan kakitangan ataupun kelambatan keluaran peruntukan maka sekiranya projek ini hendak dilaksanakan peruntukan yang lebih diperlukan. Ini adalah disebabkan oleh kenaikan harga barang-barang dan juga perkhidmatan yang terpaksa digunakan oleh pihak kontraktor ataupun pihak-pihak pemaju dan sebagainya. Di dalam ini adalah perlu sekali Kerajaan-kerajaan Negeri terutamanya mengadakan satu rangka jangka panjang dan jangka pendek bagi mengawal perbelanjaan mereka dan juga untuk menentukan hanya dengan usaha-usaha yang mustahak sahaja atau

projek-projek yang perlu diutamakan sahaja hendaklah dijalankan dan projek-projek yang lain diketepikan dahulu.

Di dalam perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, dan di dalam soal berhubung dengan inflasi ini saya ingin mencadangkan supaya pihak Kerajaan memikirkan kemungkinan menjalankan kempen jimat cermat (austerity drive) sebagaimana yang pernah dilakukan oleh Kerajaan beberapa tahun yang lalu. Ini adalah perlu untuk menyedarkan rakyat tentang kesan-kesan inflasi yang akan menimpa mereka dan cara-cara yang boleh dicadangkan oleh Kerajaan untuk menentukan supaya wang rakyat itu digunakan dengan sebenar dengan cara yang sebaik-baiknya dan juga merangka usaha-usaha dan juga strategi bagi mengelak kesan yang buruk yang akan berlaku ke atas ekonomi negara kesannya kepada inflasi yang ada dalam kalangan kita.

Tuan Yang di-Pertua, satu daripada perkara yang menjadi masalah juga kepada Kerajaan Negeri ialah tentang mengadakan secukupnya pegawai-pegawai dan kakitangan untuk mengelolakan sesuatu projek ataupun rancangan yang hendak dilaksanakan. Sebahagian daripada kelulusan untuk mendapatkan pertambahan pegawai dan kakitangan terpaksa dirujuk kepada pihak Kerajaan Pusat sebab apa yang kita diberi tahu Kerajaan Pusat terlibat dengan soal membayar pencen. Ini biasa menimbulkan masalah kepada Kerajaan Negeri. Walaupun Kerajaan Negeri biasanya mempunyai keupayaan untuk membayar gaji-gaji pekerja-pekerja dan pegawai-pegawai yang dicadangkan tetapi oleh sebab kelengahan yang terdapat daripada pihak Kerajaan Pusat dari segi meluluskan jawatan-jawatan tersebut dengan sebab ia berkait dengan soal pencen maka kebanyakan daripada projek-projek yang patut dilaksanakan dengan cepat tergendala dan menjadi lambat. Oleh yang demikian, sekiranya red-tape diperlukan, maka saya percaya bolehlah dikurangkan dan diharapkan pihak Kerajaan Pusat khususnya dapat memberikan pertimbangan kepada Kerajaan Negeri untuk mengeluarkan dan meluluskan jumlah bilangan pegawai-pegawai tanpa yang diperlukan untuk melaksanakan projek-projek yang ditentukan.

Tuan Yang di-Pertua, berkait dengan soal perlaksanaan projek-projek pembangunan ini, saya ingin mengemukakan satu perkara yang mungkin tidak secara langsung berkait dengan Kementerian tetapi oleh sebab ia berkait juga dengan masalah pembangunan dan masalah kewangan dan projek-projek pembangunan, maka perlulah saya sebutkan di sini iaitu dalam soal untuk menyeimbangkan kedudukan pembangunan di sesebuah negeri perlulah ada satu rancangan yang lebih "co-ordinated" untuk menentukan tidak sesuatu wilayah sahaja ataupun sesuatu kawasan sahaja di dalam sesebuah negeri itu dimajukan. Di dalam soal ini peranan-peranan yang penting adalah dimainkan oleh pihak berkuasa-pihak berkuasa di peringkat kawasan dan daerah dan dari segi Kerajaan di peringkat Daerah diadakan satu Jawatankuasa Tindakan Daerah, Jawatankuasa Pembangunan Daerah dan Jawatankuasa Keselamatan Daerah yang bertujuan untuk mengkaji akan rancangan-rancangan yang patut dijalankan di dalam satu-satu daerah untuk mencapai tingkat pembangunan yang kita harapkan. Tetapi walaupun sehingga hari ini kesannya banyak dan faedahnya telah dapat dinikmati oleh rakyat dari segi pandangan yang telah dikemukakan oleh Jawatankuasa Tindakan Daerah, tetapi saya percaya satu strategi yang baru bahkan susunan jawatankuasa yang baru perlu diadakan sebab kebanyakan daripada Jawatankuasa-jawatankuasa Tindakan di peringkat Daerah-daerah sebenarnya tidak dapat mengkaji ataupun membuat perancangan untuk menjalankan sesuatu projek rancangan. Ini disebabkan oleh pertamanya mungkin kekurangan kakitangan bahkan kekurangan masa bagi mereka menumpukan usaha mereka untuk merancang sesuatu rancangan bagi sesuatu daerah.

Umpamanya, Pegawai Daerah yang ditugaskan sebagai Pengerusi Jawatankuasa Tindakan Daerah adalah orang yang boleh dikatakan "Jack-of-all-trades". Beliau harus menjadi pengerusi kepada Jawatankuasa Tindakan Daerah, Jawatankuasa Pembangunan Daerah, Jawatankuasa Keselamatan Daerah, Jawatankuasa Kebajikan Daerah, Jawatankuasa Hal-hal Perayaan dan sebagainya yang menyebabkan adalah sukar dan sulit baginya untuk duduk merancang dan mengatitkan strategi bagi pembangunan sesuatu kawasan dan daerah. Ini saya percaya

berlaku di kebanyakan tempat dan perlu sekali kedudukan ini dikaji oleh Kerajaan sebab adalah tidak mungkin sesuatu tindakan itu dapat dijalankan dengan berkesan dan memberikan faedah yang maksima kepada rakyat sekiranya rancangan-rancangan yang dijalankan itu tidak disusun mengikut kehendak dan strategi yang sepatutnya. Dalam hal ini adalah perlu sekali Kerajaan mengkaji semula kedudukan Jawatankuasa ini, menyusun rancangan-rancangan dan strategi-strategi yang patut diadakan supaya rancangan-rancangan pembangunan yang dijalankan di peringkat kawasan-kawasan dan daerah-daerah itu dapat dijalankan selaras dengan kehendak negara untuk membangunkan kawasan ini dengan lebih seimbang lagi.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, peranan-peranan yang lebih harus juga dimainkan oleh yunit-yunit Perancang Ekonomi di peringkat Negeri. Saya difahamkan bahawa di ke semua negeri telahpun diarahkan untuk menubuhkan yunit-yunit ataupun Jabatan Perancangan Ekonomi Negeri tetapi setakat ini kita tidak dapat mengetahui sebenarnya apakah rancangan-rancangan jangka panjang dan jangka pendek yang telah disusun oleh yunit ini untuk memajukan sesebuah negeri. Mungkin dari segi Kerajaan Negeri yunit ini perlulah digerakkan dengan lebih berkesan lagi, meninjau keperluan yang dikehendaki di peringkat kawasan-kawasan dan juga mengatitkan rancangan-rancangan yang patut dijalankan untuk memajukan sesebuah kawasan itu.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi sebelum saya mengakhiri ucapan saya, saya ingin menekankan soal dan masalah yang berhadapan dengan kita pada hari ini iaitu soal inflasi yang sedang kian masuk di dalam negara kita ini sama ada cara dalam ataupun diimpot daripada luar negeri dan tindakan-tindakan yang patut dijalankan oleh Kerajaan bagi membendung perkembangan inflasi ini. Saya percaya memang soal inflasi ini bukanlah satu perkara yang mudah untuk dikawal tetapi bagi jangka panjang dan jangka pendek strategi haruslah juga disusun supaya masalah ini tidak akan memberikan beban yang berat kepada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja pandangan saya dan sekali lagi saya ingin memberikan ucapan tahniah kepada Yang

Berhormat Timbalan Menteri Kewangan yang telah membentangkan ucapannya dan saya sekali lagi menyokong atas pindaan Rang Undang-undang ini.

Dr Tan Tiong Hong (Kepong): *(Bangun).*

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Kepong untuk berucap saya mendapat nasihat daripada Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh supaya perbahasan ini dihabiskan pada pukul 5.40 petang, dan selepas itu Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan menjawab. Kalau bolehlah, saya nampak seorang sahaja lagi Ahli Yang Berhormat yang hendak bercakap.

5.31 ptt.

Dr Tan Tiong Hong: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ingin bercakap panjang lebar dan saya bangun menyokong Akta Pemberian Pertambahan Hasil yang dikemukakan oleh Timbalan Menteri Kewangan dan diharap dengan wang yang diperuntukkan kepada negeri-negeri yang kurang maju melalui Akta ini projek-projek yang mustahak macam bekalan air, perumahan awam, kemajuan tanah perusahaan, kerja-kerja kecil seperti jalan, membina parit, memberi kuasa elektrik dan lain-lain dapat dilaksanakan dengan secepat mungkin.

(Tuan Yang di-Pertua memperserikan Mesyuarat)

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap wang yang telah diperuntukkan ini dapat digunakan dengan cara yang berkesan dan tidak menjadi satu situasi di mana wang ini tidak dapat dilakukan oleh kerana pegawai-pegawai berkenaan tidak segerakan tindakan-tindakan mereka atau getting bogged down by red-tape.

Oleh kerana masa singkat, Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya ingin merayu kepada Timbalan Menteri Kewangan supaya mengkaji oleh kerana di dalam Akta ini saya tidak nampak ada di mana-mana disebut "Wilayah Persekutuan" dalam kumpulan yang boleh terima wang semacam ini. Dan saya harap Kementerian Kewangan boleh menimbangkan oleh kerana di Wilayah Persekutuan sungguhpun ia telah dapat peruntukkan yang sangat besar daripada

Kementerian Kewangan, tetapi ada kawasan-kawasan, malah di dalam Wilayah Persekutuan ada kampung-kampung dan kampung-kampung baru yang dahulu di bawah pentadbiran Local Council dan sekarang apabila masuk di bawah pentadbiran Dewan Bandaraya, Local Councils macam itu langsung tidak ada wang untuk menjalankan tugas-tugas mereka dalam hal mengendalikan projek-projek kecil. Saya haraplah Timbalan Menteri berkenaan boleh timbangkan rayuan ini oleh kerana Wilayah Persekutuan mesti dapat peruntukan yang sama di bawah Akta ini.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

5.35 ptt.

Timbalan Menteri Kewangan (Datin Paduka Rafidah Aziz): Tuan Yang di-Pertua, saya terlebih dahulu mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bangun berucap dan juga menyokong Rang Undang-undang ini dan saya juga berasa sukacita medapati bahawa Rang Undang-undang ini telah dapat sambutan yang agak baik, bukan sahaja daripada Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Barisan Nasional tetapi juga Ahli-ahli Yang Berhormat dari Parti Pembangkang. Saya rasa ini adalah pertanda yang baik memandangkan kesedaran parti Pembangkang kita untuk menyambut baik hasrat Kerajaan untuk mempergiatkan lagi usaha pembangunan demi kepentingan rakyat khususnya di dalam negeri-negeri yang kurang maju.

Beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat telah menegaskan supaya negeri-negeri mempercepatkan lagi projek-projek kecil seperti bekalan air, jalan dalam kampung dan juga projek-projek seperti kawasan perindustrian dan rancangan rumah awam kos rendah. Ini memanglah satu tujuan utama pindaan yang dicadangkan ini dengan pemberian yang berdasarkan kepada keluaran dalam negeri kasar, ini adalah diharapkan Kerajaan-kerajaan Negeri khususnya negeri-negeri yang kurang maju dapat memperbanyakkan lagi projek-projek tersebut di negeri masing-masing. Di samping itu, Kerajaan Pusat telah juga membantu negeri-negeri dengan cara memberi pinjaman untuk melaksanakan projek-projek tersebut.

Tentang perumahan awam kos rendah, Kerajaan Pusat telahpun meluluskan peruntukan bagi tiap-tiap negeri yang berbentuk

tabung pusingan untuk mewujudkan projek perumahan awam kos rendah di negeri masing-masing. Pihak Kerajaan akan terus melipat-gandakan lagi usahanya untuk menyediakan kemudahan-kemudahan perumahan awam yang mencukupi untuk rakyat terutama sekali bagi golongan-golongan yang berpendapatan rendah. Usaha-usaha untuk membanyakkan lagi pembinaan rumah-rumah ini akan terus dipergiatkan bagi tahun-tahun yang akan datang dan Kerajaan Pusat akan memperuntukkan jumlah yang secukupnya.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, koram tidak cukup.

(Loceng dibunyikan: Ahli-ahli dikira, lebih 26 Ahli hadir)

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sila teruskan.

Datin Paduka Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya katakan tadi, usaha-usaha untuk membanyakkan lagi pembinaan rumah-rumah itu akan terus dipergiatkan bagi tahun-tahun yang akan datang dan pihak Kerajaan Pusat akan memperuntukkan jumlah yang secukupnya sebagai pinjaman kepada Kerajaan-kerajaan Negeri dan juga Dewan Bandaraya untuk membiayai pembinaan rumah-rumah awam kos rendah.

Selain dari itu, pindaan kepada Rang Undang-undang ini juga akan membantu negeri-negeri menampung Perbelanjaan Mengurus seperti menambahkan kakitangan serta kelengkapan-kelengkapan yang diperlukan di jabatan-jabatan di negeri-negeri masing-masing dan ini telahpun dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Semoga dengan ini dapatlah negeri-negeri melaksanakan rancangan-rancangan pembangunannya dengan lebih lancar dan sempurna, lebih-lebih lagi pihak negeri-negeri sendiri dapat menentukan di manakah tambahan pemberian ini akan digunakan supaya dikurangkan keadaan tidak seimbang antara kawasan-kawasan di negeri-negeri itu seperti yang telah ditegaskan oleh beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat.

Ahli-ahli Yang Berhormat telahpun membangkitkan soal kemudahan-kemudahan asas yang belum sampai ke setengah-setengah tempat di kawasan-kawasan masing-masing. Maka adalah diharapkan bahawa Ahli-ahli

Yang Berhormat akan mengemukakan cadangan-cadangan projek-projek pembangunan di kawasan masing-masing kepada pihak berkuasa negeri supaya keutamaan boleh diberi kepada kawasan-kawasan yang tertinggal itu.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang suka saya menyentuh ke atas beberapa perkara tertentu yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Mengenai dakwaan Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka yang mengatakan bahawa Negeri Melaka dan Sarawak tidak diberi peruntukan yang cukup oleh Kerajaan Persekutuan. Ini adalah sebenarnya satu dakwaan yang tidak benar kerana negeri-negeri yang berkenaan telahpun diberi peruntukan tambahan yang besar di bawah Kajian Semula Rancangan Malaysia Ketiga mengikut keupayaan pelaksanaan negeri-negeri tersebut. Bagaimanapun Ahli Yang Berhormat itu tentu maklum bahawa peruntukan untuk pembangunan menyeluruh bagi negeri-negeri adalah telah disediakan di bawah peruntukan pembangunan Rancangan Lima Tahun seperti Rancangan Malaysia Ketiga. Pemberian Pertambahan Hasil ini hanya merupakan satu daripada lain-lain sumber kewangan yang diberi oleh Kerajaan Pusat kepada negeri-negeri untuk tujuan pembangunan.

Mengenai masalah-masalah khas di sesebuah negeri seperti yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, Padang Rengas dan Sabak Bernam, Kerajaan Pusat adalah sedar tentang perkara ini dan telah ada dijalankan projek-projek perindustrian di negeri-negeri tersebut dengan tujuan untuk, antara lain, menambahkan gunatena dan peluang pekerjaan, menambahkan output negeri-negeri itu dan menggalakkan pembangunan ekonomi serta sosio-ekonomi. Contohnya, projek perairan dan juga projek-projek luar bandar yang disatukan seperti di Krian, Sungai Manik di Perak, Barat Laut Selangor dan juga Johor Barat di mana projek-projek pembangunan ini adalah di kawasan-kawasan mundur yang tertentu yang telahpun dikesan dan pihak Kerajaan akan terus mengesan kawasan-kawasan lain seperti itu untuk dimajukan di masa akan datang.

Sungguhpun Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka tidak ada di sini, tetapi beliau telah meminta penjelasan mengenai dua perkara, iaitu pertama apakah Keluaran Dalam Negeri Kasar dan kedua mengenai formula pemberian baru yang berdasarkan kepada

Keluaran Dalam Negeri Kasar. Bukanlah tujuan saya hendak memberi ceramah ekonomi, tetapi kerana diminta memberi penjelasan, saya akan beri.

Mengenai definasi Keluaran Dalam Negeri Kasar ianya ialah nilai, iaitu yang diukur dengan ringgit bagi negara kita, nilai kesemua barang-barang dan perkhidmatan-perkhidmatan yang dikeluarkan dalam sesebuah negara atau sesebuah negeri dalam satu-satu tahun. Misalnya, barang-barang dan perkhidmatan-perkhidmatan yang dikeluarkan oleh sektor-sektor pertanian termasuklah sektor perhutanan, nelayan dan juga sektor perkilangan, lombong, pembinaan, pengangkutan dan juga perkhidmatan-perkhidmatan seperti insuran, bank dan juga kewangan. Dan Keluaran Dalam Negeri Kasar purata pula ialah jumlah nilai ini dibahagikan dengan jumlah bilangan penduduk di negeri itu.

Tentang formula yang ditanyakan pula ianya adalah seperti yang telah dihuraikan di bawah Fasal 5 Rang Undang-undang itu dan formula ini dibuat supaya negeri-negeri yang kurang maju akan mendapat bantuan daripada Kerajaan Persekutuan melalui pemberian baru ini. Asas pemberiannya ialah berdasarkan kepada per kapita Keluaran Dalam Negeri Kasar negeri-negeri dibandingkan dengan purata per kapita negara. Jadi, negeri-negeri yang didapati per kapita Keluaran Dalam Negeri Kasarnya kurang daripada purata per kapita negara maka mereka akan menikmati pemberian ini. Peratus jumlah pemberian yang akan diperolehi oleh negeri-negeri tersebut pula adalah dikira berdasarkan kepada nisbah perbezaan antara purata negara dengan jumlah per kapita Keluaran Dalam Negeri Kasar bagi negeri-negeri yang kurang maju daripada purata negara berbanding dengan jumlah kesemua perbezaan purata negara dengan per kapita Keluaran Dalam Negeri Kasar negeri-negeri yang layak. Formula yang berdasarkan kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar ini adalah difikirkan amat sesuai sekali oleh kerana ianya dapat menunjukkan kedudukan negeri-negeri yang kurang maju dari segi pengeluarannya dan benar-benar pula memerlukan diberi bantuan, bahkan Tuan Yang di-Pertua, dengan menggunakan formula seperti ini pemberian yang dibuat adalah berasaskan ukuran yang objektif dan adil.

Seperti Ahli Yang Berhormat dari Ulu Trengganu mengatakan negeri Trengganu mungkin dalam masa akan datang akan mengalami pencapaian pembangunan pesat dan dengan itu mungkin dengan automatik tidak akan layak lagi menerima pemberian pertambahan hasil seperti dalam formula baru ini.

Ahli Yang Berhormat dari Gerik pula telah mengesyorkan supaya kewangan daripada pemberian ini digunakan untuk menimbui semula lombong-lombong yang telah ditinggalkan untuk diwujudkan rancangan-rancangan perumahan awam di atasnya. Sebenarnya, kuasa adalah di dalam tangan Kerajaan Negeri untuk menentukan dasar pemulihan lombong-lombong yang boleh dikuatkausakan ke atas pelombong-pelombong.

Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah pula mencadangkan supaya asas pemberian yang berasaskan penduduk mengikut bancian terakhir dipinda kepada anjuran penduduk (population projection) di setiap negeri pada tiap-tiap tahun. Ini adalah satu cadangan yang baik dan sebenarnya memandangkan banci penduduk hanya diadakan 10 tahun sekali maka pihak Kementerian adalah sedang mengkaji perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kemaman telah menyatakan bahawa pemberian ini yang menggunakan asas penduduk semestinya akan menguntungkan negeri-negeri yang sudah maju. Ini tidaklah benar kerana sebenarnya asas penduduk ini hanya merupakan setengah daripada pemberian \$50 juta pertama yang akan diterima.

Ahli Yang Berhormat dari Kemaman juga telah membangkitkan perkara mengenai membawa Ahli-ahli Parlimen berbincang mengenai pembangunan dan belanjawan di kawasan masing-masing. Sebenarnya, ini ada dijalankan di negeri seperti di Selangor di mana Yang Amat Berhormat Menteri Besarnya mengadakan perbincangan dengan Ahli-ahli Parlimen serta Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri untuk menentukan program-program pembangunan bagi tahun yang akan datang. Dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat sendiri boleh mengemukakan projek-projek pembangunan yang dianggap perlu dilaksanakan di kawasan masing-masing melalui Majlis-majlis Tindakan Daerah supaya boleh dimasukkan di dalam program rancangan dan belanjawan bagi tahun yang berikutnya.

Ahli Yang Berhormat dari Telok Anson, antara lain, telah mencadangkan supaya Kerajaan memberi geran kepada Kerajaan-kerajaan Tempatan. Walaupun Kerajaan-kerajaan Tempatan adalah di bawah bidangkuasa negeri tetapi Kerajaan Pusat atau Kerajaan Persekutuan telahpun sedar bahawa bantuan perlu juga diberi kepada Kerajaan-kerajaan Tempatan. Jadi dengan ini peruntukan telahpun disediakan untuk memberi bantuan kepada Kerajaan-kerajaan Tempatan yang telah disusun semula.

Yang Berhormat Wakil dari Sabak Bernam juga telah membangkitkan perkara bayaran pampasan kepada negeri Selangor berikutan dengan penubuhan Wilayah Persekutuan. Sungguhpun soal pampasan ini belum lagi diselesaikan, tetapi Kerajaan Persekutuan telahpun memberi pendahuluan kepada Kerajaan Negeri Selangor bagi membolehkan-nya menggunakan Bandar Shah Alam.

Yang Berhormat dari Menglembu telah mendakwa bahawa Rang Undang-undang ini telah menunjukkan kononnya kegagalan Kerajaan Persekutuan untuk meningkatkan pembangunan di negeri-negeri yang kurang maju. Ini adalah tidak betul, dan malangnya Ahli Yang Berhormat pun tidak ada di sini, dan dia minta saya jelaskan macam-macam tadi, tetapi beliau tidak ada. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu, perkara menimbangkan dan merapatkan jurang perbezaan di antara peringkat pembangunan di antara negeri-negeri dan kawasan-kawasan yang kurang maju dan yang maju adalah menjadi satu strategi dan objektif utama rancangan pembangunan Kerajaan.

Pemberian baru yang dicadangkan di bawah Rang Undang-undang ini merupakan di antara pendekatan untuk mempercepatkan lagi usaha-usaha Kerajaan bagi mencapai objektif tersebut. Oleh yang demikian, pemberian kepada negeri-negeri yang kurang maju ini bukanlah menunjukkan kegagalan Kerajaan malahan ianya menunjukkan satu langkah yang pragmatik di pihak Kerajaan dan menunjukkan juga bahawa Kerajaan sentiasa sensitif kepada keadaan dan masa. Dan saya berharap Ahli Yang Berhormat itu terutama dari Menglembu akan cuba melihat usaha-usaha Kerajaan selama ini dari segi dan kacamata yang positif dan tidak memberi interpretasi yang tidak betul kepadanya.

Mengenai pembangunan kawasan atau daerah yang mundur seperti yang disebutkan oleh sebahagian besar Ahli-ahli Yang Berhormat yang mana memerlukan perhatian serius Kerajaan Pusat seperti di Negeri Kelantan, Pahang, Trengganu dan Negeri Kedah maka Kerajaan Pusat telahpun melalui Akta-akta Parlimen yang berkaitan telah menubuhkan Lembaga-lembaga Kemajuan Pembangunan Wilayah-wilayah di kawasan-kawasan yang kurang maju yang disebutkan tadi.

Tentang keupayaan pelaksanaan seperti yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kangar dan juga Menglembu itu, inginlah saya menegaskan bahawa pihak Kerajaan memberi perhatian berat kepada perkara ini khususnya supaya tidak berlaku kurangan-kurangan dalam kecapaian atau shortfalls akibat kurangnya keupayaan pelaksanaan. Ini bukan sahaja dari segi keupayaan di peringkat Pusat tetapi juga keupayaan di peringkat negeri bahkan, Tuan Yang di-Pertua, dengan pindaan kepada Akta ini ianya akan menolong meninggikan keupayaan pelaksanaan di peringkat-peringkat negeri.

Tentang apportionment (pembahagian) peruntukan untuk tujuan Seksyen 4A tadi, saya ingin menafikan apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Menglembu bahawa pembahagian itu akan menekankan kerja-kerja kecil atau projek-projek kecil Kelantan oleh kerana Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan datang daripada Kelantan.

Sebenarnya peratusan atau pembahagian dari pemberian yang diterima oleh sesebuah negeri itu iaitu mengikut formula yang ada di bawah pindaan ini, akan ditentukan oleh negeri-negeri itu sendiri berpandu kepada keutamaan-keutamaan dan kehendak-kehendak rakyat di negeri itu. Misalnya, kalau sesebuah negeri seperti di Kelantan rakyatnya memerlukan titi-titi kecil ataupun lain-lain projek kecil yang sama, maka sudah pasti Kerajaan Kelantan akan memberikan keutamaan kepada perkara ini. Ini terpulanglah kepada kebijaksanaan Kerajaan-kerajaan Negeri dengan bantuan Ahli-ahli Yang Berhormat untuk menentukan keutamaan-keutamaan penggunaan pemberian pertambahan hasil ini berpandu kepada apa yang telah diperuntukkan dalam pindaan Rang Undang-undang ini. Dan lagi, Tuan

Yang di-Pertua, oleh kerana Majlis Keuangan Negara (National Finance Council) merupakan badan yang menentukan maksud-maksud bagi pemberian tersebut maka tidaklah timbul apa-apa keraguan tentang penggunaan pemberian itu, bahkan sebagai sebuah Kerajaan yang bertanggungjawab pihak Kerajaan, terutamanya Kerajaan Pusat akan memastikan bahawa di peringkat implementasi iaitu di peringkat negeri-negeri, pemberian-pemberian tambahan ini akan digunakan untuk kepentingan rakyat, bahkan Ahli-ahli Yang Berhormat sendiri adalah boleh memberi panduan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri untuk menentukan keutamaan tentang projek-projek di samping Ahli-ahli Yang Berhormat berfungsi sebagai pengesan kepada perlaksanaan projek-projek itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidaklah hendak bercakap panjang lebar atas apa yang telah dihujahkan atau disarankan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tetapi saya inginlah sekali lagi mengucapkan berbanyak terima kasih atas sudinya Ahli-ahli Yang Berhormat bangun menyokong dan memberi pandangan-pandangan yang berharga itu dan saya inginlah menyatakan bagi perkara-perkara yang tidak saya sentuh dalam jawapan saya ini adalah diambil perhatian.

Sekali lagi saya tegaskan bahawa dengan pindaan kepada Rang Undang-undang ini negeri-negeri di dalam Persekutuan akan menerima pemberian pertambahan hasil apabila sahaja wujud pertambahan hasil Kerajaan Pusat. Pendek kata ianya akan meletakkan negeri-negeri pada satu kedudukan yang lebih baik daripada dahulu. Kalau dahulunya sebelum pindaan ini negeri-negeri mesti menunggu supaya pertambahan hasil Kerajaan Pusat meningkat sekurang-kurangnya 10% daripada tahun sebelumnya sebelum mendapat rahmat pemberian tadi, maka selepas lulusnya Rang Undang-undang ini Kerajaan-kerajaan Negeri akan menerima pemberian pertambahan hasil mengikut

formula yang ditentukan apabila sahaja Kerajaan Pusat menikmati pertambahan hasilnya. Jadi, bermakna negeri-negeri akan automatik mendapat pemberian jika ada pertambahan di pihak Kerajaan Pusat.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menegaskan bahawa tujuan memberi pemberian pertambahan hasil ini adalah semata-mata untuk memenuhi hasrat rakyat terutamanya di kawasan-kawasan dan di negeri-negeri yang masih tertinggal dan yang kurang maju.

Itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kemukakan bagi diputuskan bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali kedua sekarang.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 8 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua: Dewan ditangguhkan hingga jam 2.30 petang hari Isnin, 15hb Oktober, 1979.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.00 petang.